



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3545]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979;

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Jadual:

Maksud B. 52 dan B. 53 [Ruangan 3570]

Maksud B. 54 hingga B. 60 [Ruangan 3587]

Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 [Ruangan 3625]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3569]

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Maksud P. 52 dan P. 53 [Ruangan 3570]

Maksud P. 54 hingga P. 60 [Ruangan 3587]

Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 [Ruangan 3625]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN
CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING
SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,
D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T.
(Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK
(Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN
(Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI
KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM
(Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.
(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI
BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF
(Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN,
K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON,
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD
AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N.,
J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN,
D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI
BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY
VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM
(Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN
TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan.)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 5hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**DC-10 MAS MEMBAWA PENUMPANG
HAJI**

1. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan benarkah pihak LUTH tidak mendapat kerjasama daripada pihak MAS bagi menggunakan pesawat terbang DC-10 untuk menerbangkan Jemaah-jemaah Haji tahun ini sebagaimana yang pernah diumumkan dahulu, jika benar apakah sebab-sebabnya. Nyatakan juga jumlah perbelanjaan yang dapat diselamatkan oleh pihak LUTH jika semua penerbangan ke Tanah Suci itu menggunakan pesawat terbang DC-10 berbanding menggunakan pesawat terbang Boeing seperti sekarang.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah tidak mendapat kerjasama daripada pihak MAS bagi menggunakan kapalterbang DC-10 untuk menerbangkan Jemaah Haji tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MAS telah memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk mengadakan kapalterbang DC-10 bagi mengendalikan Jemaah Haji tahun ini. Walau bagaimanapun oleh kerana kesulitan dan ketatnya jadual penerbangan kedua-dua kapalterbang DC-10 MAS dan keperluan penyelenggaraannya, MAS telah tidak dapat mengadakan kapalterbang DC-10nya bagi penerbangan Haji tahun ini. Dalam hubungan ini MAS telah juga berikhtiar untuk mendapatkan kapalterbang DC-10 daripada

pengusaha-pengusaha luar negeri, tetapi tidak berjaya oleh kerana sebutharga dan kos-kos yang dikemukakan adalah terlalu tinggi. Oleh itu MAS telah menawarkan kapalterbang Boeing 707nya untuk penerbangan Jemaah-jemaah Haji tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbelanjaannya pula, sudah tentulah perbelanjaan menggunakan kapalterbang Boeing 707 kepunyaan MAS adalah lebih murah dari perbelanjaan menggunakan kapalterbang DC-10 itu.

**AHLI-AHLI PARLIMEN DALAM
TAHANAN**

2. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan membebaskan dua orang Ahli Parlimen yang kini di dalam tahanan iaitu Encik Chan Kok Kit dan Encik Chian Heng Kai berdasarkan kepada hakikat bahawa rakyat telah menunjukkan kepercayaan mereka dengan memilih Encik Chan dan Chian sebagai wakil rakyat mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 23hb Oktober, 1978 dan sudah dijawab dengan penuh, bahkan semalam pun sudah dijawab.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentu Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Yang Berhormat Chian Heng Kai ada menulis surat kepada saya, katanya pada minggu yang lepas Timbalan Menteri ada menuduh katanya mereka ditahan di bawah ISA kerana kedua-dua adalah terlibat di dalam kegiatan komunis. Maka Yang Berhormat Chian Heng Kai adalah mencabar Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kalau ada bukti-bukti yang kongkrit, mereka lebih suka dibawa ke mahkamah untuk satu perbicaraan yang adil dan terbuka selain daripada ditahan tanpa alasan di bawah ISA. Adakah Yang Berhormat Menteri akan terima cabaran itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Negara kita ada mempunyai Undang-undang tertentu untuk menyelesaikan soal begini. Mereka yang ditahan ini adalah ditahan di bawah undang-undang tertentu dan cara-caranya ada bahkan mereka berdua ini mempunyai loyar masing-masing.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Menteri mengelak daripada apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kota Melaka.

Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerima cabaran yang dikemukakan oleh rakan saya dari Batu Gajah yang sekarang dalam tahanan di Kem Tahanan Kemuning dan membawa beliau ke dalam Dewan ini supaya beliau diberi peluang untuk membela dirinya daripada tuduhan yang melulu itu iaitu mengatakan beliau dan rakan saya dari Sungai Besi kedua-dua mereka telah mengakui mereka terlibat di dalam kegiatan-kegiatan pro komunis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Cara membela diri adalah mengikut undang-undang

Tuan P. Patto: Mahkamah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak, mengikut undang-undang ISA.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir rakyat sudah membuat satu pengadilan yang sangat adil di mana walaupun mereka ditahan di bawah ISA juga dilemparkan berbagai-bagai tuduhan tetapi rakyat masih memberikan keyakinan supaya mereka dipilih sebagai wakil rakyat. Tetapi saya fikir adalah lebih adil bagi kedua-dua wakil rakyat dihadapkan ke mahkamah untuk perbicaraan yang terbuka dan adil kerana mereka menafikan segala-gala tuduhan yang dibuat oleh pihak Kerajaan sungguhpun Kerajaan mengatakan mereka ada terlibat dalam kegiatan pro komunis. Tetapi siapakah yang benar

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya, kalaulah Yang Berhormat Menteri sangat yakin bahawa mereka terlibat dalam kegiatan pro-kominis dan membuat satu kesalahan atau pengkhianatan terhadap negara maka lebih baik mengikut undang-undang mereka dihadapkan ke mahkamah biarkan hakim untuk memutuskan perkara ini siapakah yang bersalah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan tambahan tetapi ini adalah soalan ulangbalik. Saya sudah katakan tadi mereka ini ditahan di bawah Undang-undang ISA dan ada caranya di dalam Undang-undang ISA itu dan bukan dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan tambahan ini untuk memberi peluang Yang Berhormat Menteri menerangkan dengan jelasnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Terima kasih.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa mereka berdua adalah diberi peluang untuk membela diri menurut Undang-undang yang termaktub di dalam ISA. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapa kalikah mereka diberi peluang untuk membela diri menurut Undang-undang ISA ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb Oktober mereka sudah dibawa, pada 6hb Oktober, 1977 dahulu pun sudah dibawa bahkan Yang Berhormat Chan Kok Kit akan dibawa pula mengadap Board yang mengulangkaji pada 13hb Disember ini dan mereka ini semua mempunyai lawyer. Ini adalah cara-cara yang ditentukan oleh Undang-undang yang dibuat di dalam Dewan ini.

SIA DAN PENUMPANG DI MALAYSIA

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar ada ura-ura Syarikat Penerbangan

SIA dari Singapura minta supaya ia dapat mengambil penumpang di tiap-tiap lapangan terbang di Negara ini; jika sedar, apakah pendirian beliau di atas ura-ura syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya ura-ura dari Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) untuk mengadakan perkhidmatan di tiap-tiap lapangan terbang di Negara ini.

Apa yang sedang berlaku sekarang ialah perundingan mengenai mengkaji perjanjian udara antara Singapura dan Malaysia dan butir-butir berkenaan telahpun saya jelaskan di Dewan ini pada 21hb November 1978.

MEMELIHARA IKAN MENGUNAKAN BUBU

4. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada penyiasatan tentang faedahnya berkenaan dengan memelihara ikan dengan cara menggunakan bubu (cage culture) bagi perdagangan supaya ini dapat menolong melebihi pendapatan nelayan-nelayan kita, telahpun dijalankan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian sedang dibuat di Kuala Besut, Trengganu yang telah dimulakan pada akhir tahun 1977. Hasil dari kajian tersebut didapati ikan Kerapu, Siakap dan Ikan Merah sesuai dipelihara dalam sangkar kerana ikan-ikan tersebut lekas membesar.

Setakat ini seramai 5 orang nelayan di kawasan tersebut telah diberi bantuan untuk memulakan kerja-kerja memelihara ikan secara sangkar ini dan dijangka ramai lagi yang akan berminat untuk mencebur diri dalam bidang ini.

DIPLOMAT BERKAHWIN DI LUAR NEGERI

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada di antara diplomat dan kakitangan mereka di luar negeri berkahwin dengan rakyat di negara di mana mereka bertugas walaupun mereka ini sudah berkahwin dengan rakyat Malaysia sebelum

ini, dan ini menjatuhkan imej negara kita, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semenjak Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia memegang jawatan sebagai Menteri Luar, Kementerian Luar Negeri tidak mengetahui adanya berlaku perkara ini sebagaimana yang dibangkitkan itu.

Kementerian saya ada mempunyai peraturan di dalam Sulit 835 di mana semua pegawai-pegawai bertaraf diplomatik dan sebaliknya diperlukan mendapat kebenaran terlebih dahulu sekiranya mereka ingin berkahwin dengan bangsa asing. Sekiranya ada terdapat perkahwinan tanpa kebenaran, Kementerian akan mengambil tindakan tata-tertib terhadap pegawai yang berkenaan itu.

REBATE CUKAI DI SABAH

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau telah menerima sepucuk surat yang ditandatangani oleh beberapa dewan perdagangan dan pertubuhan-pertubuhan yang lain di Negeri Sabah tentang kos hidup yang tinggi di Negeri Sabah serta meminta "rebate" cukai, dan nyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk mengurangkan kos hidup yang tinggi di Negeri Sabah.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telahpun menerima surat dari dewan perniagaan Negeri Sabah dan surat-surat dari beberapa pertubuhan lain termasuk dari Kerajaan Negeri Sabah bagi pembayar-pembayar cukai di Sabah mendapatkan semula "rebate" cukai. Jawapan kepada permohonan tersebut telahpun disampaikan kepada Kerajaan Negeri. Sebagai yang Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan Persekutuan telahpun memberi tempoh yang mencukupi kepada Sabah dan Sarawak sebelum menamatkan "rebate" cukai di dalam tahun 1975. Sebenarnya, paras "rebate" cukai telah dikurangkan berperingkat-peringkat sejajar dengan perenggan 24 Lapuran Jawatankuasa Antara Kerajaan

tahun 1962 yang telah mengesyorkan supaya proses harmonisasi struktur cukai pendapatan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dilaksanakan berperingkat-peringkat. Memandangkan bahawa proses harmonisasi telah selesai mulai tahun 1975, Kerajaan tidak bercadang untuk patah balik kepada sistem "rebate" yang terdapat sebelum Malaysia ditubuhkan. Pekerja-pekerja di Sabah menerima tingkat gaji dan elaun yang lebih dari Semenanjung dan tingkat pendapatan yang tinggi ini pasti dapat menampung kos hidup di sana.

Berkenaan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menurunkan kos hidup yang tinggi di Sabah, yang utamanya ialah seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum. Di samping itu Kerajaan juga telah melancarkan berbagai-bagai projek pembangunan ekonomi dan rancangan-rancangan sosial serta perkhidmatan-perkhidmatan percuma yang telah diberikan oleh Kerajaan. Kerajaan juga telah menguatkuasakan pengawalan harga barang-barang perlu dan sebagainya serta langkah-langkah lain yang telah diambil untuk menurunkan kos hidup di Sabah. Langkah harmonisasi cukai pendapatan juga dapat membantu dengan mengurangkan menerusi cukai tekanan permintaan dari pendapatan yang lebih tinggi di Sabah. Hasil cukai itu sedikit sebanyak dapat membantu Kerajaan membiayai rancangan-rancangan pembangunan yang dirangka untuk negeri Sabah.

MAKANAN ISLAM DI HOSPITAL

7. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beberapa bulan yang lalu seorang tukang masak bukan Islam telah memaksa pekerja-pekerja Islam menolungnya memasak makanan yang haram kepada orang-orang Islam dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini dan bila;
- (b) untuk mengelakkan kejadian seperti ini sama ada beliau akan mengeluarkan satu arahan di mana semua makanan-makanan di hospital hendaklah yang

boleh dimakan oleh orang-orang Islam dan melarang sebarang makanan yang haram di sisi Islam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini adalah umum sedikit oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebut di hospital ataupun di negeri mana perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu adalah datangnya dari negeri Sabah, maka saya mengambil keputusan untuk menganggapkan bahawa perkara ini mungkin berlaku di negeri itu. Oleh itu jawapannya adalah:

- (a) Saya tidak sedar akan kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh sebab kejadian yang disebutkan itu tidak pernah dilaporkan kepada Pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah. Jika perkara ini dilaporkan pada ketika kejadiannya, maka tentulah Kementerian ini akan menyiasat perkara ini dengan teliti. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi Kementerian ini maklumat-maklumat yang detail mengenai perkara ini maka saya akan menjalankan penyiasatan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.
- (b) Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa daging babi dan lain-lain bahagian dari babi telah dikeluarkan dari tender makanan bagi hospital-hospital di negeri itu semenjak tahun lepas, dan tidak ada lagi bahan-bahan makanan yang tersebut di atas dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor di seluruh Negeri Sabah. Maka dengan itu, tidak adalah makanan dalam senarai makanan yang dilarang bagi orang-orang Islam.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyebutkan tadi tentang daging babi sahaja yang dikeluarkan, jadi bagaimana pula kalau dengan ayam yang tak disembelih misalnya juga dilarang oleh Islam. Adakah termasuk juga dalam senarai yang dikeluarkan daripada tender itu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pembekalan daging ayam, kambing dan lembu juga dibekalkan menerusi central contract dan saya telah difahamkan bahawa syarat yang ditetapkan dalam tender itu ialah pembekalan itu adalah daripada daging-daging yang halal.

BERAS YANG DIIMPOT DARI THAI

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah beras-beras yang diimpot dari Negeri Thai oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) melalui Pelabuhan Kelang adalah lebih mahal kira-kira 20% lebih daripada beras-beras yang ditawarkan oleh pemborong-pemborong Bumiputra dari Kelantan, Perlis dan Kedah kepada LPN.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ialah untuk menjamin kestabilan harga padi dan beras dan juga menjamin bekalan stokpail yang cukup. Oleh sebab itu, beras terpaksa diimpot dari semasa ke semasa bagi menampung pengeluaran tempatan. Semua pembelian beras dari luar negeri hanya dilakukan oleh LPN sahaja atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan dan LPN tidak pernah membeli beras dari pemborong-pemborong tempatan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan bercadang untuk mengeluarkan A.P. kepada bumiputra atau syarikat-syarikat bumiputra untuk mengimpot beras ini daripada negeri Thai?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Buat masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, LPN tidak bercadang memberi kebenaran kepada sesiapa pun mengimpot beras.

PELAJAR-PELAJAR DI KELAS PETANG

9. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi perkara-perkara di bawah ini:

- (a) kemunduran pelajaran di kelas petang terutama di kelas-kelas petang sekolah rendah;
- (b) kelulusan yang terlampau kecil dalam peperiksaan penilaian darjah 5;
- (c) kegagalan yang mendukacitakan bagi calon-calon SPM/MCE dalam peperiksaan; dan
- (d) ketiadaan setengah guru-guru di dalam darjah kerana menghadiri sesuatu mesyuarat atau perjumpaan yang tidak ada hubungan dengan persekolahan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Setakat ini belum ada bukti menunjukkan murid-murid yang belajar di kelas sebelah petang sama ada Sekolah Rendah ataupun Menengah lebih mundur pelajaran mereka daripada murid-murid yang belajar di sebelah pagi.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya menyedari beberapa masalah yang dialami oleh murid-murid yang belajar di kelas petang. Bagi mengatasi masalah ini sekolah yang ada dua sesi (pagi dan petang) biasanya mengadakan sistem giliran selama enam bulan tiap-tiap sesi. Selain daripada itu, Kementerian saya berusaha membina bangunan-bangunan tambahan untuk menambah bilik-bilik darjah bagi menampung pertambahan murid-murid yang begitu ramai.

(b) Peperiksaan Penilaian Darjah 5 adalah bertujuan untuk menilai kekuatan atau kelemahan murid-murid dalam matapelajaran-matapelajaran tertentu yang diuji. Oleh itu soal lulus atau gagal dalam peperiksaan Penilaian Darjah 5 bagi keseluruhannya tidaklah timbul.

Walaupun demikian, langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki taraf pencapaian akademik di sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah rendah di antaranya ialah:

- (i) menempatkan guru-guru terlatih;
- (ii) memberi kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru terlatih dalam bidang pengajaran dan pentadbiran serta memperkemaskinikan (up-to-date) kaedah-kaedah mengajar;
- (iii) menambah alat-alat pengajar dan buku-buku pelajaran (buku teks dan perpustakaan);

(iv) memberi kursus khas kepada guru-guru terlatih dalam bidang pengajaran pemulihan untuk murid-murid yang ramai.

(c) Ada dua peperiksaan yang diperkatakan di sini iaitu MCE dan SPM dan kedudukannya adalah berlainan. Sebetulnya keputusan Peperiksaan MCE aliran Inggeris bagi tahun 1977 menunjukkan pencapaian yang lebih baik daripada tahun-tahun yang sudah. Yang menjadi kebimbangan ialah kemerosotan pencapaian calon-calon SPM atau Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun yang sama yang telah merosot jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Kejatuhan peratus kelulusan ini adalah disebabkan kemerosotan pencapaian dalam hampir semua matapelajaran, lebih-lebih lagi matapelajaran-matapelajaran yang lazimnya membantu calon-calon aliran Bahasa Malaysia untuk lulus dan mendapat sijil umpamanya matapelajaran Bahasa Malaysia, Pengetahuan Ugama Islam dan Kesusasteraan Melayu.

Kemerosotan yang terdapat dalam bahasa Inggeris sebenarnya adalah disebabkan bahawa untuk pertama kali calon-calon SPM dikehendaki mengambil kertas Communicational English yang disamatarafkan dengan keperluan-keperluan calon-calon MCE aliran Inggeris.

Antara langkah-langkah yang dirancang oleh Kementerian untuk menghadapi soalan ini ialah mempergiatkan latihan-latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru dalam kaedah pengajaran Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris di samping mengadakan satu rancangan untuk mendapatkan guru-guru bahasa Inggeris dari luar, memperlengkapkan kemudahan-kemudahan seperti buku-buku dan makmal-makmal sains di sekolah-sekolah khususnya di luarbandar serta memperkemaskinikan sistem pertukaran guru supaya pelajaran murid-murid di kelas-kelas peperiksaan tidak terganggu. Di samping usaha-usaha tersebut Kementerian saya telah dan sedang menjalankan langkah-langkah untuk meninggikan lagi taraf pencapaian dalam peperiksaan tersebut dengan:

Memberi peluang pelajar-pelajar yang gagal di dalam peperiksaan SPM/MCE mengulang di tingkatan lima sekolah-sekolah Kerajaan dengan syarat-syarat

tertentu. Pada tahun 1978 bilangan pelajar-pelajar yang diberi peluang belajar semula di tingkatan lima adalah seperti berikut—

(a) Aliran SPM

	Jurusan Sains	Jurusan Sastera
Perhomonan ..	1,559 orang	6,744 orang
Diluluskan ..	1,483 orang	6,304 orang
Peratus ..	92.75 %	93.48 %

(b) Aliran MCE

	Jurusan Sains	Jurusan Sastera
Perhomonan ..	1,279 orang	4,448 orang
Diluluskan ..	1,274 orang	3,958 orang
Peratus ..	99.61 %	88.19 %

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga membuka kelas-kelas lanjutan di sebelah petang dan malam. Di samping itu, kelas-kelas tambahan juga digalakkan di sekolah-sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibubapa dan guru-guru serta persatuan-persatuan pelajar.

(d) Guru-guru mesti mendapat kebenaran Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan melalui Guru Besar mereka untuk meninggalkan bilik-bilik darjah sekiranya mereka hendak menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang ada atau tidak ada hubungan dengan perkara-perkara sekolah. Jika kelulusan diberi, Guru Besar yang berkenaan akan mengambil tindakan untuk melantik/mengarahkan seorang guru ganti untuk menjalankan kelas dalam tempoh guru yang berkaitan tidak hadir.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekalipun pihak Kementerian mengarahkan sekolah-sekolah yang ada dua sesi untuk mengedarkan tiap-tiap sesi itu ada enam bulan untuk mengadakan sesi petang dan pagi. Adakah beliau sedar bahawa tidak semua sekolah menjalankan apa yang diarahkannya.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa adalah tidak benar yang pelajaran di kelas petang terutama di kelas-kelas sekolah rendah adalah merosot daripada sekolah pagi, tetapi pada pendapat saya ini adalah benar. Berdasarkan kepada ini, apakah kajian yang telah dibuat yang boleh membuktikan bahawa anggapan ini tidak benar?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang pertama berkenaan dengan kelas, cuma arahan telah diberi atau

mengikut panduan Kementerian Pelajaran, kalau sekiranya sekolah itu ada mempunyai dua sesi. Satu sesi dalam masa 6 bulan mesti mengadakan giliran supaya enam bulan selepas itu satu sesi lagi boleh dapat diadakan di sebelah petang. Ini adalah arahan daripada Kementerian Pelajaran. Jikalau sekiranya ada sekolah-sekolah yang mempunyai kes-kes yang specific, saya akan mengambil tindakan.

Yang kedua, berkenaan kemunduran. Pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu barangkali ada kemunduran di dalam kelas-kelas di dalam sesi petang. Perkara ini bagi pihak Kementerian Pelajaran, sebagaimana saya katakan tadi setakat hari ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa dari segi pelajaran kemunduran tidak menunjukkan kepada kita ada perkara yang seperti itu berlaku. Tetapi jikalau dari segi inconvenient, ini memang kita anggap ada. Misalnya soal pengangkutan, barangkali murid-murid balik ke rumah pun lewat, ini ada kesulitannya. Ini kita anggap ada.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Dalam jawapan yang pertama tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tidak ada kemunduran itu dan kenyataan itu tidaklah berdasarkan kepada bukti dan penyelidikan ataupun satu penyiasatan untuk menentukan bahawa perkara itu tidak berlaku. Jadi bagaimana caranya beliau membuat kenyataan bahawa tidak ada kemunduran, padahal

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba betulkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah mengatakan tak ada, belum ada bukti yang menunjukkan kemunduran. Jangan diubah-ubah jawapan Timbalan Menteri itu, jadi lain bunyinya.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Bahawa kedua-duanya sama ada dia hendak mengatakan mundur atau tidak mundur itu mesti berasas kepada suatu bukti. Jadi bagaimana beliau boleh mengatakan bahawa tidak ada kemunduran itu padahal penyiasatan belum dibuat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, oleh kerana tidak ada bukti jadi kita belum siasat, jika ada bukti kita siasat untuk membetulkan perkara ini.

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, tentang soalan (b), saya ingin tahu sama ada kegagalan yang besar dalam peperiksaan Penilaian Darjah V ini disebabkan murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan seumpama Sekolah Rendah China dan Sekolah Rendah Tamil, murid-murid gagal dalam kertas Bahasa Malaysia. Jika benar, apakah langkah akan diambil untuk mengatasi perkara ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan (c) di sini cuma berkenaan dengan sekolah menengah sahaja tak berkenaan dengan sekolah rendah.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengelak soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Saya ingin bertanya lagi

Tuan Yang di-Pertua: Jangan di putar-putar jawapan itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tak ada bukti, jangan kata hendak mengelak dan sebagainya. Jangan ditukar-tukar jawapan Timbalan Menteri itu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu sudah mengelak, saya boleh beri bukti. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa tidak ada bukti mengatakan wujud kemunduran pelajaran di kelas petang terutama di kelas petang sekolah rendah. Saya ingin tahu pernahkah Kementerian membuat kajian sama ada kemunduran pernah berlaku di kelas-kelas petang daripada kelas-kelas pagi. Ada atau tidak dan kalau ada di sekolah mana dibuat kajian atau sample survey ataupun survey di seluruh Malaysia dan apakah findings kajian itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kajian tidak ada dibuat oleh kerana pihak kita menganggap tidak ada bukti yang menunjukkan keadaan semacam itu berlaku.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu iaitu kita sedar bahawa Kerajaan terpaksa mengadakan kelas petang dari segi hendak mengeconomisekan kelas-kelas ataupun darjah-darjah di bangunan sekolah-sekolah dan kalau kita kaji balik soalan asal (b) ada mengatakan bahawa kemunduran ini

mungkin disebabkan oleh guru-guru tidak hadir di waktu petang. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menerima aduan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang mengatakan bahawa ada guru-guru yang ponteng sekolah di waktu petang?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, tidak ada aduan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tadi wakil dari Gerik mengatakan satu daripada sebabnya kerana setengah guru-guru tidak menghadiri kelas di sebelah petang. Sebenarnya soalan (*d*) tidak demikian.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tidak dibuat kajian kerana tidak ada bukti. Jadi kalau sudah ada bukti tak payahlah dibuat kajian lagi kerana sudah ada bukti. Jadi hendak buat kajian perlu nanti ada bukti, kalau sudah ada tak payah lagi dibuat kajian. Tetapi yang perlu ialah di sini ada phenomena tentang kemunduran itu dan phenomena kemunduran ini untuk menetapkan sama ada benar atau tidak mundurnya maka perlu diadakan kajian itu. Dan di sini saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau hendak memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa oleh kerana ada phenomena kemunduran itu beliau akan membuat kajian untuk menentukan sama ada kemunduran itu sebenarnya berlaku atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Untuk membetulkan rekod ini, yang dikatakan murid dari sekolah petang itu, petang yang mana. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri, 6 bulan sesi petang, sesi pagi pula pergi petang, yang petang pergi ke pagi. Jadi yang mundur ini yang mana. Ini jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang mundur yang mana? Petang yang pertama atau petang yang kedua dalam setahun itu?

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Yang melibatkan soal sebelah petang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, fasal dua sesi ini, ada kekeliruan sedikit oleh kerana selepas 6 bulan pagi jadi

petang, petang jadi pagi, tetapi walau bagaimanapun insya-Allah kita akan timbang mengikut keadaan (*Ketawa*).

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran adakah beliau sedar yang pertama bahawa di setengah negeri dan bahkan setengah daerah pihak Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran menggalakkan guru-guru besar mengadakan kumpulan seperti majlis guru besar daerah atau negeri khusus untuk membincangkan kelemahan murid-murid terutama sekali murid-murid sekolah rendah dan cara-cara untuk mengatasi di peringkat mereka sendiri?

Soalan kedua, adakah beliau sedar bahawa Kementerian beliau mempunyai satu jabatan penyelidikan yang dinamakan E.P.R.D. yang boleh menyemak dan mengkaji soal-soal kelemahan ini dari semasa ke semasa bahkan sentiasa sekiranya perkara ini timbul ataupun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Menurut pendapat saya, ini penerangan lebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Dari pengalaman memang ternyata bahawa sesi petang itu kalau dibanding dengan sesi pagi adalah mundur dan sekiranya pihak Kementerian Pelajaran bersetuju dengan saya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan sesi petang supaya semua budak-budak boleh datang ke sekolah di waktu pagi?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini tentulah kita ada ambil perhatian, jika sekolah itu menghadapi kesesakan tentulah kita cuba sedaya upaya mengadakan tempat, dan tentulah ini bergantung kepada kewangan. Jika kita boleh membina lebih banyak sekolah, kita mahukan semua sekolah-sekolah itu dibuat satu sesi sahaja, tidak dua sesi. Tetapi oleh kerana bergantung kepada keadaan kewangan, barangkali kita akan dapat mengatasi perkara ini peringkat demi peringkat. Ini ada dalam perhatian Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahagian (*d*). Adakah Yang Berhormat Timbalan

Menteri sedar bahawa kebenaran yang diberi oleh Pengarah Pelajaran oleh tiap-tiap negeri kepada guru-guru yang tertentu, guru-guru yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau perjumpaan-perjumpaan terlampau lambat sampai ke tangan Guru Besar Sekolah yang berkenaan.

Sekali lagi saya ulang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebenaran yang diberi oleh Pengarah Pelajaran kepada guru-guru yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau perjumpaan-perjumpaan yang tertentu itu terlampau lambat sampai ke tangan guru besar. Kebenaran bercuti lambat sampai ke tangan guru besar. Sampai sebulan ataupun lebih daripada sebulan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jikalau ada kes yang spesifik macam ini, saya tentulah akan menolong menyelesaikannya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berdasarkan kepada soalan pecahan (d). Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setiap permohonan untuk mendapat cuti daripada sekolah sama ada bercuti dalam negeri ataupun di luar negeri yang berkenaan, surat-surat berkenaan hendaklah diminta melalui Guru Besar dan selepas itu baharulah dihantar kepada Pengarah Pelajaran yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Surat itu mesti melalui guru besar. Itu benar.

PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

10. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu sangat-sangat tidak memuaskan walaupun perkhidmatan keretapi telah wujud di Malaysia hampir seratus tahun dari segi keadaan koc-koc yang buruk, ketidak tepatan waktu ketibaan terent-teren penumpang di stesyen-stesyen keretapi, keadaan buruk stesyen-stesyen keretapi, jika ya, apa tindakan pihak Kerajaan akan ambil untuk memperbaiki keadaan buruk ini;

(b) berapa kali dalam tempoh sembilan bulan mulai Januari tahun ini, teren Express Rakyat tiba lewat di setiap setesen;

(c) apakah sebab keadaan buruk ini wujud.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan adalah sentiasa sedar tentang kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu dalam usahanya untuk memberikan perkhidmatan dan meninggikan mutu perkhidmatan itu dan yang demikian beberapa projek telah dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 34 buah koc baru telah diperolehi dan sekarang ini sedang berkhidmat sebagai Tren Ekspres Rakyat. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga juga 15 buah koc baru lagi akan diperolehi dan 20 buah rangkabawah akan juga dibeli untuk membina koc baru oleh Bengkel Sentul. Dalam masa yang sama juga Bengkel Sentul adalah sedang membina koc-koc bagi menggantikan koc-koc yang lama dan sejak dua setengah tahun yang lalu, sejumlah 11 buah koc telahpun selesai dibina oleh Bengkel Sentul. Kerajaan juga sedang mengambil beberapa tindakan untuk membaharui setengah-setengah dari setesen yang telah usang dan kerja ini akan dijalankan berperingkat-peringkat.

Selain dari pembinaan dan penggantian koc dan setesen maka Kerajaan juga telah membelanjakan wang untuk membaiki landasan dan beberapa alat-alat rawatan landasan telah dibeli dengan tujuan menambahkan lagi kelincinan serta kecekapan perjalanan teren-teren untuk menjamin pengguna-pengguna perkhidmatan keretapi dapat bergerak dengan lebih laju, selesa, selamat dan memuaskan.

- (b) Butir-butir kelewatan teren-teren Ekspres Rakyat di setiap stesyen sepanjang tempoh sembilan bulan mulai Januari tahun ini tidaklah dapat diketahui dengan tepat. Bagaimanapun

Keretapi Tanah Melayu ada mempunyai rekod kelewatan bagi stesyen-stesyen utama Singapura, Kuala Lumpur dan Butterworth, iaitu:

Januari-September	Ekspress Rakyat 18NK
	Singapura-K.L. = 211 kali
	K.L.-Butterworth = 240 kali
Januari-September	Ekspress Rakyat 19TN
	Butterworth-K.L. = 131 kali
	K.L.-Singapura = 224 kali

Walaupun begitu, kelewatan ini tidaklah mengejutkan kerana purata kelewatan yang dialami oleh teren ini pada sepanjang tahun 1978 adalah lebih kurang 15 minit. Pihak Keretapi Tanah Melayu sedang mengkaji bagi menghapuskan kelewatan ini dengan membaiki penjadualan-penjadualan perjalanan dan juga keadaan landasan-landasan keretapi.

- (c) Kedudukan perkhidmatan teren oleh Keretapi Tanah Melayu sudah jauh maju sejak negara kita mencapai kemerdekaan dan kedudukan ini telah bertambah baik lagi dalam dua, tiga tahun yang lalu. K.T.M. adalah berusaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan dari masa ke semasa .

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kita terdapat masih lagi koc-koc yang buruk iaitu koc-koc yang sudah pun dilebelkan sebagai koc barang-barang yang digunakan untuk mengambil penumpang-penumpang khususnya Keretapi Mel Malam.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini mengaku bahawa adanya koc-koc seperti itu dan mengakui bahawa kira-kira 40% daripada koc-koc penumpang memanglah koc lama, dalam keadaan ini penggantian ini tidak dapat dibuat dengan serta merta oleh kerana Keretapi Tanah Melayu juga berada dalam keadaan financial constraint yang menyebabkan Keretapi Tanah Melayu mengalami kelambatan dari segi pelaksanaan pelaburan dalam jangka masa panjang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka ataupun kadar kakitangan (staff) Keretapi Tanah Melayu ini mengikut komposisi kaum.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengubah warna atau cat gerabak-gerabak keretapi itu supaya mempunyai warna yang lembut dan menarik dan juga menggambarkan hasrat rakyat di Malaysia.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Soalan pertama tidaklah dapat saya jelaskan, saya berharap dapat diberi notis.

Bagi soalan kedua, memanglah seberapa boleh Keretapi Tanah Melayu akan cuba memperbaiki keadaan ini dari satu masa ke satu masa.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang mengadakan sistem pengumuman dalam Keretapi untuk kemudahan penumpang-penumpang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Ya, memang ada dan peruntukan telahpun diperuntukkan bagi memodenkan semboyan dan perhubungan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sebanyak \$15 juta.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, masalah kelewatan tiba keretapi ini begitu juga masalah kegelinciran yang sentiasa berlaku terhadap keretapi ini ada dakwaan yang mengatakan disebabkan oleh besi landasannya itu lama. Adakah dakwaan ini benar dan jika benar adakah pihak Jabatan Keretapi telah mengambil tindakan untuk menukar landasan-landasan yang lama kepada landasan-landasan yang baharu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada sebab-sebab bagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi adalah benar dan pihak Kerajaan memang telah ada mempunyai peruntukan bagi bukan sahaja menyelenggarakan landasan-landasan tetapi juga dalam rancangan pembaharuan landasan dengan peruntukan yang lebih daripada \$46 juta dan rancangan pemulihan segera untuk landasan ini juga mempunyai peruntukan kira-kira \$6 juta.

Tuan P. Patto: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa beberapa buah Stesyen Keretapi di Semenanjung Malaysia adalah dalam keadaan buruk

khususnya stesyen besar seperti di Ipoh di mana jabanah atau sub-way sering didapati banjir selepas hujan lebat dan kalau beliau sedar, apakah tindakan yang beliau akan ambil atau Kementerian beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini dan tidakkah ini juga menjadi satu daripada punca halangan kepada penumpang-penumpang yang lebih ramai lagi menumpang teren-teren kita.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar memang terdapat banyak stesyen-stesyen yang buruk keadaannya termasuk stesyen-stesyen yang besar tetapi bagaimana yang saya sebutkan tadi keadaan kewangan Keretapi masih tidak membolehkan Keretapi Tanah Melayu merancang pembangunannya yang sempurna dalam jangka panjang, tetapi bagaimanapun Keretapi Tanah Melayu berusaha mengikut peringkat demi peringkat bagi memperbaiki keadaan-keadaan buruh di stesyen keretapi itu.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kelewatan jadual, jadi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan salah satu daripada sebabnya selalu tergelincir, jadi soalan saya ialah selama ini kita hanya mendengar daripada akhbar-akhbar bahawa ada berlaku sabotaj berhubung dengan keretapi ini. Saya ingin mendapat tahu dalam Dewan yang mulia ini, adakah ini benar dan sekira jawapannya benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Keretapi Tanah Melayu dan apakah langkah-langkah bagi mengelakkan supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan-kelewatan keretapi ini bukan sahaja disebabkan adanya berlaku kegelinciran kerana kegelinciran ini berlaku bukanlah sepanjang masa. Dan akibat-akibat kegelinciran itu di antaranya memanglah dapat diduga adanya berlaku sabotaj-sabotaj dan pihak Keretapi Tanah Melayu sentiasa menjalankan penyiasatan dan menjalankan tindakan apabila keadaan ini diketahui.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara layanan buruk keretapi ialah menjual tiket-tiket berlebihan daripada kerusi-

kerusi yang disediakan terutamanya di hari-hari perayaan. Adakah perkhidmatan yang demikian akan dihentikan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu ataupun perkara ini dianggap sebagai sumber keuntungan Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Saya minta ulangan sekali lagi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Di antara perkhidmatan buruk Keretapi Tanah Melayu ialah menjual tiket berlebihan daripada kerusi-kerusi yang disediakan terutama di musim-musim perayaan, jadi adakah pihak Keretapi Tanah Melayu akan memberhentikan perkhidmatan yang buruk seperti itu ataupun pihak Keretapi Tanah Melayu merasakan bahawa ini menjadi satu sumber keuntungan bagi Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Saya mengakui bahawa Keretapi Tanah Melayu tidaklah menghadkan penjualan tiketnya mengikut kerusi atau tempat duduk kecuali barangkali keretapi Ekspres Rakyat. Sehingga setakat ini, Keretapi Tanah Melayu tidaklah mempunyai rancangan untuk menghadkan penjualan tiketnya mengikut banyak tempat duduk, kerana difikirkan bahawa ada di antara penumpang-penumpang yang menaiki keretapi itu hanyalah untuk sampai kepada satu-satu destinasi yang dekat, yang kadang-kadang mereka ini tidak perlu duduk di tempat duduk kerana setengah daripada mereka itu lebih suka berjalan dari satu koc ke satu koc.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tentang peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada Jabatan Keretapi, bolehkah beliau memberi jaminan atau memberikan darjah kecekapan, memberi huraian darjah kecekapan ataupun kemampuan mengelakkan kemalangan-kemalangan dengan adanya tambahan peruntukan perbelanjaan kepada Keretapi supaya peruntukan-peruntukan yang kita beri itu tidak berulang lagi lebih banyak kita bagi peruntukan, lagi banyak kemalangan dan kecekapannya tidak meningkat. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan kepada Dewan ini dengan peruntukan-peruntukan yang Jabatan

Keretapi dapat, adakah beliau yakin ataupun adakah beliau dapat kecekapan itu akan bertambah.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu kemalangan adalah satu-satunya yang tidak dapat diduga tetapi bagaimanapun Kementerian ini rasanya boleh memberikan keyakinan bahawa sekiranya terutama sekali apabila sudah disempurnakan pembaharuan-pembaharuan landasan yang telah beratus tahun yang terdapat di tanahair kita ini dan kesempurnaan pemulihan dalam memperbaiki landasan-landasan yang ada sekarang ini, saya percaya keadaan-keadaan buruk itu akan berkurangan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kementerian untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi perkhidmatan keretapi ini kita dapat tahu sudah banyak langkah-langkah yang telah diambil termasuk langkah yang diambil terhadap pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang cuai dan tidak cekap, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyatakan berapa orang pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak cekap dan cuai yang sudah diambil tindakan samada dibuang kerja atau tindakan disiplin.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tindakan-tindakan disiplin memang telah banyak diambil kepada kakitangan-kakitangan yang cuai, kakitangan yang tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna tetapi untuk menentukan perangkaannya, saya tidaklah dapat memberikan dalam Majlis ini kecuali ia diberi notis.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menjawab soalan tambahan saya tadi. Apa yang saya maksudkan ialah samada pihak yang berkenaan bercadang untuk mengadakan sistem penguuman iaitu dalam bahasa Inggeris "public announcing system" dalam teren-teren supaya penumpang-penumpang boleh diberi tahu tentang ketibaan teren itu di tiap-tiap setesen.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Saya rasa saya telah jelaskan. Keadaan ini boleh kita buat setelah kita dapat menyempurnakan sistem semboyan dan sistem perhubungan di stesyen-stesyen dalam keretapi.

Tuan P. Patto: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun Ekspres Rakyat telah mula memberi keutungan yang berkesan, tetapi masih terdapat beberapa gejala yang tidak begitu contributive kepada expansion Ekspres Rakyat khususnya tentang beberapa koc berhawa dingin, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penumpang-penumpang yang telah membayar untuk mendapat tempat di dalam koc berhawa dingin apabila tiba di koc berhawa dingin koc itu tidak lagi berhawa dingin dan apabila mereka menuntut bayaran balik wang yang telah dikutip oleh Keretapi Tanah Melayu mereka dinafikan pembayaran balik itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar keadaan ini berlaku dan saya berharap dapat diberi maklumat oleh Ahli Yang Berhormat itu apabila keadaan diketahui oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terlebih dahulu memberi satu jaminan bahawa semua koc-koc khususnya koc berhawa dingin sebenar-benarnya berhawa dingin dan yunit air-conditioned memang boleh berjalan dan bukan apabila bertolak daripada Singapura sampai ke Keluang atau ke mana-mana, jammed dan sampai ke Butterworth tidak ada berhawa dingin. Bolehkah dia memberi jaminan bahawa technicians dan lain-lain pakar ada di dalam train ekspres supaya menentukan bahawa koc berhawa dingin itu sebenar-benarnya berhawa dingin?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir adalah mustahil saya boleh memberi jaminan 100% kepada Ahli Yang Berhormat itu, kerana keadaan-keadaan yang berlaku pada sesuatu ketika atau pada satu masa tidaklah dapat kita tentukan, dan mungkin boleh jadi kerosakan yang berlaku kepada hawa dingin dalam sesebuah keretapi itu sama juga kemungkinan yang boleh berlaku kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini tidak bergoncangpun boleh berhenti juga hawa dinginnya, ini pula keretapi yang kuat goncangnya (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu samada beliau boleh membuat satu sistem seperti sistem yang digunakan di dalam perkhidmatan Ekspres Rakyat di mana setiap penumpang yang membeli tiket adalah di-guarantee tempat duduknya. Bolehkah beliau memberi satu jaminan bahawa sistem ini akan juga dipanjangkan kepada keretapi mel dan juga keretapi yang berjalan di antara mel?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama saya fikir saya telah jelaskan tadi bahawa saya tidaklah boleh memberi jaminan sepenuhnya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan

Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (4hb Disember, 1978).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sebelum saya minta Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang saya janjikan bercakap kali yang pertama pada hari ini, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, setelah itu Ahli Yang Berhormat dari Kangar, kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab sebagaimana yang saya tentukan semalam, saya harap mendapat kerjasama daripada pihak Yang Berhormat Menteri-menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan kerjasama dengan saya, tetapi kepada Yang Berhormat Menteri-menteri, saya minta ulang lagi supaya bila mengemukakan Anggaran Perbelanjaan dan bila menjawab, tolonglah jangan panjang-panjang sangat sehingga mengambil masa terlalu lama, jadi peluang Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa dipotong masanya. Dengan sebab itu, saya haraplah kerjasama ini diberikan, dan kalau tidak, saya akan tetapkan waktunya.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Maksud B. 52 dan B. 53 (Jadual)—

Maksud P. 52 dan P. 53 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.34 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi saya hanya berucap atas satu perkara sahaja iaitu Maksud B. 52, muka surat 409, Aktiviti (3)—Alam Sekitar.

Atas perkara Alam Sekitar, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada berbagai-bagai masalah pencemaran di Lembah Kelang. Tuan Pengerusi, dari segi ilmu alam, Lembah Kelang ialah satu lembah yang amat mustahak kepada negara ini. Lembah Kelang ialah tapak perindustrian yang ulung di Malaysia dan boleh dianggap sebagai satu tempat yang pesat dengan perindustrian dan

yang paling urbanise. Lebih kurang 10% penduduk-penduduk di negara kita terdapat di Lembah Kelang, dan jumlah ini akan meningkat hingga 3 juta orang pada tahun 1990.

Sebagai pusat aktiviti kemanusiaan, kawasan Lembah Kelang ialah satu lembah yang amat tercemar, misalnya terdapat pencemaran air, pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Sebut apa sahaja akan terdapat di Lembah Kelang (you name it and the Klang Valley has it). Memandangkan kepada berbagai-bagai masalah pencemaran alam sekitar seperti masalah penebangan pokok, hakisan tanah, pembuangan perindustrian, penyalahgunaan tanah dan sebagainya, saya rasa masa telah sampai bagi Kementerian yang berkenaan untuk mengadakan satu kajian khas yang mendalam atas masalah berbagai-bagai pencemaran di Lembah Kelang dan mencari cara-cara yang berkesan untuk mengatasinya. Kajian yang telah dicadangkan akan membantu Kementerian yang berkenaan untuk merangka dan melaksanakan satu strategi yang efektif untuk memerangi masalah pencemaran alam sekitar di Lembah Kelang itu.

Di samping ini, Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengesyorkan kepada Kementerian supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya yang tetap (a permanent Commission) untuk menjalankan penyelidikan di dalam berbagai-bagai aspek masalah pencemaran di negara kita dan membuat syor-syor dan rekomendasi-rekomendasi untuk ditimbang oleh Kementerian supaya undang-undang baru dapat digubal untuk tujuan mengatasi masalah itu.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk menyeru Kementerian juga untuk merangka dan melaksanakan panduan-panduan mengenai Environmental Impact Assessment supaya menentukan bahawa apa-apa perancangan pembangunan yang comprehensive di negara kita tidak akan menimbulkan kerosakan alam sekitar. Saya juga berharap bahawa satu Majlis Penasihat untuk Waste Management (a Waste Management Advisory Council) dapat diadakan untuk membantu recycling bahan-bahan yang berguna.

Satu masalah pencemaran alam sekitar yang sentiasa dialami oleh kita ialah banjir. Penduduk-penduduk di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sentiasa menghadapi masalah banjir kilat sambil menghadapi catuan air.

Perkara ini telah timbul oleh kerana kegiatan-kegiatan pembangunan yang tidak terkawal dalam Lembah Kelang ini dan akibatnya telah mengakibatkan banyak lumpur dibawa ke dalam Sungai Kelang dan anak-anak sungainya. Adalah dianggarkan bahawa 200,000 tan lumpur telah dihantar ke dalam sungai memandangkan kepada pembangunan pesat yang dilakukan sekarang.

Memandangkan kepada masalah ini, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil berat tentang hal ini dan juga mencari satu langkah atau mengadakan satu strategi yang efektif untuk memerangi masalah itu. Saya anggap bahawa salah satu cara ialah supaya Kerajaan akan menentukan bahawa satu undang-undang yang dinamakan Land Conservation Act, 1960 akan dikuatkuasakan dengan ketatnya mengenai pembangunan yang tidak terkawal baikpun di sektor awam ataupun di sektor swasta.

3.40 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3), Alam Sekitar. Kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan di dalam usaha membangunkan rakyat negara ini menerusi sains dan teknologi. Kita sedia maklum bagaimana mundurnya penduduk-penduduk negara di mana Kerajaan tidak menitikberatkan soal-soal ini. Meskipun dapat diperolehi banyak kebaikan dan faedah menerusi unsur-unsur sains dan teknologi namun hendaklah difaham tanpa berhati-hati apa yang disanjung boleh juga mendatangkan mudarat dan keburukan kepada penduduk-penduduk negara ini.

Memang diakui tentang beberapa banyak kemajuan yang dapat diperolehi menerusi sains dan teknologi hari ini. Kalau kita hendak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang-orang yang sudah maju di dunia ini hendaklah kita berusaha bersungguh-sungguh di bidang ini. Sebarang galakan dilihat oleh Kerajaan di segi ini adalah menasabah betapa pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh sains dan teknologi bagi memajukan dunia dipandang begitu berat oleh Kerajaan, sangatlah menggalakkan hinggakan ajaran ugama kita hari ini pun ditekan fahaman ini. Tetapi apa yang kurang menyenangkan bahawa dengan

menggalakkan kemajuan sains dan teknologi di negara ini untuk menyegerakan pembangunannya ada beberapa faktor yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada penduduk-penduduk di negara ini kerana kurang mendapat perhatian dari pihak Kerajaan hari ini. Misalnya pada hari ini kita dapat menyaksikan betapa banyaknya kilang-kilang didirikan di Malaysia hasil dari peranan yang dimainkan oleh sains dan teknologi. Bertambahnya kilang-kilang seperti ini bermakna bertambah ramai lagi penduduk tanahair mendapat kerja untuk menyara hidup mereka dan kaum keluarga mereka. Tetapi di sebalik kebaikan ini ada beberapa keburukan yang boleh timbul dari kilang-kilang seumpama ini. Misalnya ada di antara kilang-kilang yang tidak memandang soal-soal pencemaran alam sekitar begitu mustahak. Pentadbiran kilang-kilang seumpama ini hanya mementingkan keuntungan sahaja tanpa memikirkan kelalaian cara langsung atau tidak langsung dilakukan itu boleh mengakibatkan kesihatan rakyat Malaysia dengan meluas lagi.

Saya fikir adalah baik bagi pihak Kerajaan kita bertindak terhadap kilang-kilang yang enggan berbuat sesuatu untuk mengurangkan pencemaran udara hari ini. Saya bukanlah seorang yang faham untuk menasihati mereka apa yang perlu dilakukan oleh mereka tetapi saya berpendapat bahawa mungkin terdapat pakar-pakar di bidang ini yang boleh memerhati pihak-pihak kilang cara bagaimana keadaan pencemaran ini dapat dihapuskan atau setidak-tidaknya dikurangkan bagi kepentingan kesihatan kita bersama. Saya hanya mencadangkan supaya kilang-kilang yang banyak mengeluarkan asap dan debu perlu dilengkapi dengan alat-alat seperti serombong asap yang boleh menapis-kannya. Hari ini kebanyakan kita yang mendiami kawasan-kawasan kilang adalah terdedah kepada pencemaran udara yang merbahaya ini. Walaupun kita tinggal 3-5 batu jauh dari kawasan tersebut masih juga terdedah kepada masalah pencemaran ini.

Negara-negara maju merancang betapa penting perkara ini dan sudahpun bertindak mengatasinya dengan mengambil langkah-langkah yang tertentu. Masalah pencemaran ini hendaklah dipandang penting. Andainya dibiarkan pencemaran ini berlarutan sudah pasti yang akan menjadi mangsa penyakit beraneka jenis kemudian hari adalah rakyat

negara ini juga. Ini adalah merupakan satu kenyataan yang perlu diterima oleh pihak Kerajaan kita dan bertindak segera untuk menyelamatkan penduduk-penduduk kita dari penyakit-penyakit merbahaya. Walaupun saya bukan seorang pakar perubahan tetapi saya masih berpegang kepercayaan bahawa kebanyakan penyakit yang dihadapi oleh penduduk-penduduk negara ini hari ini ialah akibat terdedah kepada pencemaran yang kurang kita sedari. Buktinya hari ini ramai orang yang menderita beberapa macam penyakit yang tidak pernah dialami oleh orang-orang kita 20-30 tahun dahulu. Adalah difikirkan tidak memberi banyak faedah kepada negara dengan meluas meskipun dia sudah mengalami kemajuan dan pembangunan yang pesat sedangkan penduduk-penduduk dan rakyatnya berkeadaan kurang sihat. Selain dari kecemaran udara yang timbul dari kilang-kilang yang diperkatakan banyak lagi sumber-sumber yang boleh mencemarkan udara kita termasuklah kereta berenjin seperti lori, motokar dan motosikal. Biasanya minyak hitam dari exhaust pipe yang sudah lama banyak mengeluarkan carbon monoxide yang boleh menimbulkan masalah kepada orang-orang yang tinggal di bandar ataupun di sekitar jalanraya. Adakah pihak Kerajaan mengambil tindakan di atas perkara ini? Kecemaran juga berlaku di kuari-kuari di mana pemecahan batu dilakukan meninggalkan kesan-kesan debu yang sejauh 4-5 batu. Sampah sarap yang bertaburan juga mendatangkan kecemaran kepada udara kita. Untuk mengatasi kecemaran seperti ini dengan menyeluruhnya, saya mencadangkan supaya dihantar orang-orang kita ke negara-negara maju di dunia ini yang sudah berjaya mengatasi masalah kecemaran untuk mempelajari cara-cara membenteraskan kecemaran udara sama ada kecemaran yang timbul dari kilang-kilang, dari kapal-kapal laut ataupun dari bandar-bandar.

Untuk mencegah kecemaran udara juga satu segi adalah baik dikumpulkan anika bentuk kilang di kawasan tertentu yang semolek-moleknya diletak lebihkurang 5 batu dari perkampungan atau kawasan kediaman orang-orang awam. Tidaklah bermakna kemajuan dan segala bentuk pembangunan selagi kesihatan rakyat kita hari ini mahupun akan datang, tidak terjamin.

Soal membasmikan pencemaran merupakan tanggungjawab yang perlu diusahakan seberapa boleh demi kebaikan dan kesihatan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang Aktiviti (2), Butiran 1100—Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail.

Kita rasa bertuah kerana negara kita dapat membina sebuah Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Sungguhpun pusat ini sedang di dalam peringkat permulaan namun Kerajaan hendaklah bersiap sedia mengkajilidik tenaga baharu yang boleh kita perolehi di negara kita dengan mudah. Satu daripadanya ialah menggunakan bahan tenaga matahari. Oleh kerana negara kita yang bertuah ini terletak di zon khatulistiwa, kita mendapat cahaya matahari di sepanjang tahun. Kerajaan hendaklah mengambil langkah melatih ataupun menghantar berkursus keluar negeri pekerja-pekerja teknik dalam bidang ini supaya tenaga matahari dapat dikumpulkan dengan alat-alat yang tertentu untuk digunakan untuk keperluan domestic dan sebagainya. Solar energy system ini sedang digunakan di setengah-setengah rumah di Russia. Jika perusahaan ini berjaya, rakyat seluruhnya tidaklah bersusah payah menanti bekalan letrik kerana solar energy ini mendapat membekalkan tenaga letrik dengan harga yang murah.

Di setengah negara yang telah maju kajilidik telah dijalankan untuk memerangkap kuasa kilat dengan alat tertentu. Ini adalah sedang di dalam kajian dan jika berjaya dan sesuai teknik ini patutlah digunakan di negara kita juga.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100, Aktiviti (4), Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Rakyat Malaysia sangatlah bernasib baik dapat melihat kehidupan liar tanpa menjelajah ke hutan rimba. Ini adalah dengan daya usaha Kerajaan mengadakan beberapa buah zoo umpamanya Zoo Negara di mana terdapat binatang-binatang mahupun dari dalam negeri ataupun diimport dari luar negeri. Sungguhpun memelihara dan membiak binatang ini sangat rumit dan merbahaya, namun wang yang diperolehi hanyalah dari penuntun-penuntun dan dari firma-firma yang sanggup membiayai setengah-setengah binatang ini. Peruntukan ini tidaklah mencukupi sehingga binatang-binatang ini tidak begitu cergas dan sihat. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan meng-

ambil alih mengendalikan semua aspek perbelanjaan untuk kesihatan binatang-binatang yang telah diasingkan dari tempat asalnya. Kerajaan janganlah terlampau memikirkan soal untung dan rugi di atas perkara ini demi kepentingan imej negara.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong belanjawan Kementerian ini dengan sepenuhnya.

3.50 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai B. 52, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, sebelum saya melanjutkan ucapan, saya berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga Kerajaan mensyaratkan tiap-tiap satu bangunan ataupun tiap-tiap satu Kementerian lain apabila Kerajaan akan mendirikan satu-satu benda yang mengeluarkan asap di tiap-tiap kilang tadi hendaklah disyaratkan supaya ia berhubung dahulu dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kerana pada pendapat saya, kalaulah seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sekiranya mereka ini akan mendirikan kilang, begitu juga Kementerian Kesihatan, jika mereka akan membuat satu-satu ubat, jikalau Kementerian lain ada kuasa dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada kuasa penuh maka tentulah penyelarasan amat susah hendak dibuat. Satu contoh seperti kilang kecil, satu-satu kilang kecil yang akan dibenarkan oleh Kerajaan kalau tidak diberi lesen oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan, melainkan selepas ia mendapat satu surat ataupun dua surat daripada Pejabat Bandaraya mengatakan kilang itu ada tempat api dan pertimbangannya telah disahkan oleh pihak Pejabat Bandar. Jadi saya berharap tiap-tiap satu bangunan yang akan didirikan tidak boleh dibenarkan oleh Kementerian mana sekalipun sebelum diluluskan salah satu syaratnya oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kalau tidak, tidak berkesan, kerana yang lain ada kuasa, untuk berbuat demikian. Apa yang akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan ini syarat yang pertama dahulu ialah penyelarasan atau kewajipan, ini amat perlu. ini adalah pendapat dan syor saya patut dibuat, barulah keadaan ini berkesan. Kalau tidak, saya

tegaskan sekali lagi, kuasa yang hendak mendirikan kilang lain dan kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa tepat. Saya mahu kuasa tepat, tidak boleh didirikan satu-satu kilang sebelum mendapat pengesahan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, itu yang kita minta dahulu, barulah kita boleh menyeimbang atau menjaga alam sekitar sebagaimana yang kita ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Alam Sekitar ini, saya juga ingin menyentuh mengenai kilang-kilang. Saya sependapat dan bersetuju dengan rakan saya tadi bahawa patutlah didirikan agak jauh daripada bandar dan kalau boleh dibuat dengan cara moden. Saya ingat kalau dahulu motokar mengeluarkan asap yang banyak tetapi hari ini asap yang banyak hanya terdapat pada motokar buruk. Kalau motokar baru atau jenis baru dia berjalan dengan laju, asapnya pun tidak ada, jadi kalau kilang, hendaklah kita cari kilang fesyen moden yang tidak menganggu orang ramai. Kalau kita boleh ikhtiar motokar, agak saya di segi kilang inipun kalau ada asap, biarlah asap fesyen moden sedikit, tidak berbunyi bising dan asap pun tidak keluar dengan banyaknya sedangkan kilang itu berjalan juga. Seperti motokar hari ini, saya tengok tidak berasap macam motokar fesyen dahulu begitu banyak asapnya dan kadang-kadang tidak nampak asapnya keluar, jadi carilah fesyen baru.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, memandangkan kepada

Tuan Pengerusi: Apa yang fesyen baru, asap fesyen baru atau kilang? Saya dengar asap fesyen baru tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, asap tetap asap. Tetapi saya kata cara baru walaupun kilang itu berjalan deras, kalau di masa yang lepas, kita tengok bila motokar berjalan deras, asapnya pun deras, tetapi fesyen motokar hari ini kereta berjalan deras, asapnya tidak nampak.

Tuan Pengerusi: Itu minyaknya, kapal-terbang lagi laju tetapi tidak ada asap.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Tuan Pengerusi, saya juga berharap kepada Kementerian yang berkenaan bukan sahaja dalam Malaysia tetapi hendaklah berhubung

dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Thailand ini tidak begitu banyak bangunan yang didirikan, saya tahu kerana ianya dekat dengan negeri saya. Walaupun saya kerap ke Johor, tetapi saya pernah ke Johor khususnya Johor Bahru, saya takut kalau Kerajaan jiran kita khususnya Singapura yang mana kita tahu pembangunannya sedang pesat dan mereka mendirikan bangunan dekat sempadan dengan Johor khususnya di Selat Teberau. Saya kluatir boleh jadi 20 tahun akan datang Johor Bahru itu harus dipenuhi dengan kilang-kilang yang berhampiran dengan Johor Bahru, mungkin terdapat asap yang terlampau banyak, jadi bila asap terlampau banyak, alam sekitarnya tidak baik.

Tuan Pengerusi, kita hidup di muka bumi ini ada empat syarat, iaitu tanah, air, api dan angin. Kalau air tidak sempurna, hidup manusia tidak sihat. Angin tidak sempurna atau udara tidak baik, manusia juga tidak sihat, sebab itu alam sekitar ini adalah sebagai alat penghubung untuk kehidupan kesihatan kepada manusia. Oleh sebab itu orang yang tinggal di tepi laut yang anginnya baik, kebanyakan mereka gemok dan sihat dengan adanya angin sepoi-sepoi bahasa, udara nyaman amatlah perlu bagi manusia.

Tuan Pengerusi, seperti di Kuala Lumpur patutlah juga ada segala bangunan itu dan ini seperti industri umpamanya di mana patut diadakan satu tempat peranginan yang khas, saya tidak tahu ada satu tempat peranginan di atas bukit. Tempat itu adalah untuk orang yang mempunyai wang dan orang yang tidak berwang tidak boleh pergi. Tetapi saya mahu satu tempat yang mana orang boleh pergi bersiar-siar—di Kuala Lumpur tidak ada satu tempat untuk melapangkan fikiran untuk berseronok. Boleh dikatakan penuh dengan industri dengan hingar-bingar dan udara yang tidak baik, jadi patutlah dicari tempat yang berpatutan di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian yang berkenaan khususnya Alam Sekitar ini hendaklah menjaga sungai-sungai yang terlampau kotor. Pendek kata ada yang runtuh kerana dibuat bangunan dan dibuat ampangan. Kalaulah tidak boleh, buatlah ada ampangan supaya jangan terdapat kekotoran. Samada kilang atau sungai patutlah dijaga, kerana hari ini kalau disimpan ianya menjadi keuntungan kepada industri, tetapi

orang kampung yang kerap kali meminum air sungai termasuk binatang dan sebagainya menjadi makanan atau minuman air yang kotor.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Aktiviti (2)—Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Saya juga mengucapkan terima kasih seperti wakil dari Kuala Kangsar tadi, di samping itu saya berharap kalau dia meminta dibuat satu kajian mengenai matahari, tetapi saya minta Pusat Atom ini dibuat satu kajian mengapa negara kita ini selalu kemarau jadi hendaklah dikaji juga mengapa berlakunya banjir. Begitu juga saya berharap hendaklah dibuat kajian mengenai penyakit lembu dan kerbau. Perkara ini adalah berhubung rapat dengan Kementerian yang saya katakan tadi. Sekarang musim penyakit lembu kerbau, Kementerian Pertanian tidak ada satu jalan lain yang saya tahu hanya dua ikhtiar sahaja, satu tembak dan kita akan mendapat kerugian yang banyak; satu rugi dan selepas ditembak binatang itu mati.

Yang kedua, akan diganti rugi binatang yang berkenaan. Jadi dengan sebab itu, saya minta Kementerian yang berkenaan ikhtiar, mengapakah penyakit ini berlaku, adakah disebabkan cuaca tidak baik, sebab matahari atau sebagainya.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi, kita tahu penyakit kerbau ini bukan sahaja hari ini berlaku, kalau tidak silap saya setahun atau dua tahun yang lepas khususnya kami di Perlis sudah tahu lama. Pada masa itu tidak boleh makan daging, jadi penyakit kuku mesti disiasat, mengapakah penyakit ini selalu berlaku, itu harapan saya.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai perlindungan hidupan binatang-binatang di Taman Negara. Saya juga berpendapat yang perkara ini mendatangkan keuntungan dua hala. Untung yang pertama berkenaan dengan perlindungan liar. Ini kalau kita ada kegunaannya dan yang mana sudah tidak berguna lagi, patutlah kita tembak. Tetapi ada setengah yang patut kita boleh simpan dalam hutan, binatang ini macam manusia juga, kalau manusia dia ada tempat tinggal dan setiap makhluk Tuhan ada tempat tinggalnya. Jadi kalau manusia dia tinggal dalam bandar atau kampung dan sebagainya dan binatang ini

tempatnyalah ialah dalam hutan. Kalau di hutan tidak ada binatang, habislah ia. Diibaratkan seperti rusa masuk kampung, dia tidak tahu di mana hendak hidup. Binatang seperti manusia juga ada tempatnya dan begitu juga tiap-tiap jenis makhluk yang dijadikan Tuhan, ada tempat yang dikhas kepadanya. Binatang mestilah duduk dalam hutan. Kalau Kementerian yang berkenaan tidak ada berhubung dengan Bahagian Perhutanan ataupun Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, bagaimanakah caranya hendak menyekat. Ini akan mendatangkan untung dua hala seperti saya katakan tadi patutlah kita simpan kayu-kayan sepertimana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama bahawa harus pada tahun 2000 atau tidak lama lagi, kita akan eksploitasi bukan impot seperti sekarang ini. Jadi janganlah hutan itu ditebang dengan seberapa cepat, satu daripada contohnya ialah binatang liar boleh dikawal, dan keduanya, kayu boleh dikawal, kecuali kalau keadaan tidak dapat dielakkan.

Yang ketiga, walaupun kita hendak jaga binatang-binatang liar seperti berok yang dibela oleh orang kampung. Saya harap janganlah diambil tindakan yang tegas sangat, kadang-kadang perkara itu hendaklah diambil tindakan seperti dikenakan denda dan sebagainya. Begitu juga burung merbuk, kalau boleh, perkara ini janganlah diambil tindakan sangat sebaliknya yang membunuh diambil tindakan dengan tidak ada sebab-sebabnya. Kalau dia hendak bela tidak mengapa dan dikenakan lesen dan sebagainya. Saya harap perkara ini patutlah dikaji oleh Kementerian yang berkenaan termasuklah perlindungan binatang liar.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali mengenai Jabatan Kimia, Maksud B. 52, muka surat 415, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Cerakan. Saya berharap dibuat siasatan (research) betul-betul dan dikaji satu daripadanya minyak. Minyak ini, saya berpendapat campuran minyak ini walaupun minyak digunakan untuk kenderaan tetapi kadang-kadang ada setengah pedagang ataupun pihak-pihak penjual ini mereka mencampurkan dengan tidak ikut aturan, dengan sebab itu kadang-kadang ada kenderaan yang rosak akibat campuran minyak dengan tidak mengikut susunan dan ada setengahnya kenderaan itu berjalan dengan tidak begitu betul.

Yang paling penting sekali, Tuan Pengerusi, tentang ubat. Campuran ubat-ubat yang termasuk kimia ini patutlah dikaji oleh Kementerian yang berkenaan. Saya yakin dan percaya ada setengah orang dengan kerana dia hendak mengambil untung terlampau banyak barang yang murah itu dicampurkan supaya dia mendapat untung banyak. Perkara ini saya harap Kementerian yang berkenaan dalam segala benda-benda yang membawa kepada percampuran dengan kimia dan sebagainya buat alasan benda yang digunakan oleh manusia atau dimakan atau diminum hendaklah disiasat dengan sedalam-dalamnya supaya tidak boleh membahayakan kepada manusia.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya sokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.01 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam aktiviti-aktiviti Kementerian saya dan telah memberi hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang membina. Cadangan-cadangan yang telah dikemukakan telah diambil perhatian untuk pertimbangan yang sewajarnya.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sepang memang tidak ada program khas pada masa sekarang untuk tujuan mewujudkan keseimbangan di atas kemajuan kebendaan dengan kemajuan kerohanian, akan tetapi beberapa program yang di bawah pengendalian Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (M.P.K.S.N.), Jabatan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara dan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian ini memang secara tidak langsung bertujuan, antara lainnya, untuk memperseimbangkan kemajuan kebendaan dan kemajuan kerohanian. Perkembangan tidak di dalam bidang sains dan teknologi serta juga keadaan alam sekeliling sememangnya mempengaruhi pembentukan peribadi dan pembangunan rohaniah masyarakat umum. Di atas hakikat ini M.P.K.S.N. bertindak untuk menyelaraskan kemajuan dan pembangunan sains untuk menentukan bahawa kemajuan

ini tidak membawa unsur-unsur ataupun sistem nilai yang kontra kepada pembangunan negara. Program-program di dalam bidang kawalan dan pemeliharaan kualiti alam sekitar dan kawasan-kawasan semula jadi termasuk pembangunan Taman-taman Negara juga selain daripada menjamin alam sekitar yang selesa, juga mengadakan tempat-tempat rekreasi yang penting untuk istirehat. Ini merupakan faktor yang penting yang mempengaruhi keperibadian masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga merujuk kepada masalah-masalah hidupan binatang liar. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan gajah, bagi menyelamatkan, melindungi dan mengekalkan gajah, cara yang diambil ialah dengan membina parit dan membina pagar letrik (electric fence) di rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan juga di ladang-ladang swasta (private plantations). Setakat ini pihak FELDA sedang merancang dan setengah-setengah tempat telah mula membina parit dan pagar letrik yang berharga \$1 juta di 49 rancangan FELDA. Pihak FELCRA dan juga pihak ladang-ladang swasta sedang merancang untuk membina parit dan pagar letrik di tempat-tempat yang tertentu. Gajah-gajah ini selalu dalam merbahaya kerana merosakkan tanam-tanaman dan apabila ia merosakkan tanam-tanaman ia akan ditembak. Satu cara untuk menyelamatkannya ialah dengan menahankan daripada memasuki kawasan ladang dengan cara-cara seperti yang tersebut di atas. Jika gajah-gajah ini tidak merosakkan tanam-tanaman tidak siapa pun yang akan mengganggukannya. Cara-cara yang dijalankan seperti di atas adalah berjalan dengan baik.

Berkenaan dengan badak-kerbau (rhinoceros) cara-cara untuk mengekalkan badak-kerbau ialah dengan cara mewujudkan Taman Negara seperti Taman Negara Endau/Rompin di Johor, Pahang. Dalam kawasan ini ada satu viable population di mana ada sebilangan 10 hingga 15 ekor badak-kerbau hidup dan membiak. Di Taman Negara Endau/Rompin ini, di bahagian territorial area, dijadikan sebagai National Park dan di bahagian co-area sebagai sanctuary di mana 10 hingga 15 ekor badak-kerbau menjadi home range.

Harimau Belang, berkenaan dengan binatang ini, buat masa ini penyelidikan secara aktif sedang dijalankan hampir 2 tahun untuk mengumpul data, maklumat-maklumat yang boleh digunakan untuk mengurus, mengekalkan dan bagaimana hendak melindungi Harimau Belang ini. Untuk melindungi Harimau Belang ini. Untuk melindungi dan mengekalkan hidupan liar, keperluan yang asas ialah kita mesti ada hutan (habitat). Buat masa ini di Semenanjung Malaysia kita mempunyai 5% hingga 6% daripada seluruh kawasannya dikhaskan sebagai Taman Negara reserve hidupan liar dan sanctuary. Kita sedang cuba seberapa boleh untuk mengadakan kawasan-kawasan hutan tambahan seperti Tasek Bera dan Tasek Chini di Pahang, Sungai Menggiri di Kelantan, catchment area kenya dam di Trengganu. Jabatan Hutan juga mempunyai banyak kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia yang dikhaskan sebagai hutan-hutan simpan yang mana sudah tentu menjadi tempat hidupan liar.

Projek padang ragut di mana ada disediakan kawasan untuk melindungi hidupan liar dan mengadakan keperluan-keperluan untuk hidupan liar seperti air dan sebagainya. Kita juga mengadakan projek-projek seperti berikut di Taman Negara. Projek Rusa ditangkap dan dijaga dan dibiarkan seperti hidupan liar biasa. Projek Burung Pantai (Shore Birds), projek untuk Pheasant (Burung-burung Kuang), projek untuk Seladang.

Mengenai hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, program alam sekitar yang menyeluruh dan meliputi langkah-langkah menguatkuasa pengawasan (monitoring) dan perancangan sedang giat diusahakan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya untuk mengatasi masalah-masalah alam sekitar yang telah wujud dan mencegah masalah ini daripada berbangkit pada masa-masa yang akan datang. Langkah-langkah menguatkuasa sebagai tindakan segera akan dipergiatkan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan. Beberapa peraturan seperti peraturan kawalan effluen kelapa sawit, peraturan udara bersih telah diwartakan dan beberapa peraturan lain telah siap untuk dikuatkuasakan ke seluruh negara. Dengan adanya peraturan-peraturan ini masalah-masalah pencemaran air, udara dan juga bau-bau busuk akan dapat dikurangkan.

Di dalam kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan bau-bau busuk, saya ingin menegaskan bahawa undang-undang untuk mengatasi bau-bau busuk di kawasan tempatan memang ada di bawah kuatkuasa Majlis-majlis Tempatan. Walau bagaimanapun sekiranya pihak yang berkenaan tidak mampu menyelesaikan perkara ini di peringkat tersebut, maka Ordinan-ordinan yang tertentu boleh dikemukakan kepada Bahagian Alam Sekitar Kementerian ini.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat ada merujuk kepada PUSPATI atau Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesyorkan tambahan peruntukan Belanjawan kepada PUSPATI. Peruntukan bagi pembangunan PUSPATI yang dianggarkan berjumlah \$3,452,000 bagi tahun 1979 ini adalah merupakan perbelanjaan permulaan bagi projek PUSPATI dan peruntukan tambahan telahpun diminta semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga (Mid-Term Review, Third Malaysia Plan). Projek PUSPATI dijangka siap pada tahun 1981. PUSPATI telah menghantar pelatih-pelatih keluar negeri di negara-negara Amerika Syarikat dan United Kingdom untuk latihan praktikal (on-the-spot training) di negara-negara yang mempunyai reactor facilities untuk mendapat pengetahuan dan pengalaman.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkenaan dengan masalah pencemaran di lembah Sungai Kelang, Kementerian saya sedar dan sentiasa mengawasi, mengkaji dan merangka tindakan-tindakan yang patut diambil ke atas masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Penyelidikan ke atas alam sekitar dan masalah pencemaran sedang dijalankan berperingkat-peringkat. Panduan Environmental Impact Assessment telahpun siap dirangkaan. Kementerian saya juga menyelaras aktiviti-aktiviti untuk mengurangkan masalah banjir dan lumpur yang disebabkan oleh aktiviti pembangunan yang pesat. Satu panduan untuk mengatasi masalah hakisan tanah telahpun disiapkan. Untuk menguatkuasakan tujuan panduan-panduan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti

Alam Sekeliling, 1974 untuk mengatasi pencemaran air dan udara sedang dikuatkuasakan.

Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya ditubuhkan satu suruhanjaya khas. Pada hemat saya tidak perlu mengadakan suruhanjaya tetap yang khusus seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, kerana pada masa sekarang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 satu Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang sedia ada dan jentera Kerajaan yang sedia ada akan dapat mengawasakan kajian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kita pun telah memberi garis-garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada Majlis Tempatan yang bertanggungjawab ke atas kegunaan tanah untuk pembangunan; dan jika garis panduan ini diikuti oleh Kerajaan-kerajaan negeri dan Majlis-majlis Tempatan, perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menyebut juga tentang tugas-tugas PUSPATI dalam bidang berkaitan dengan banjir, penyakit dan pertanian. Salah satu daripada tugas-tugas PUSPATI ialah untuk menjalankan penyediaan penggunaan tenaga dalam atom dalam bidang hydrology, pertanian dan perubatan dan lain-lainnya. Kakitangan sedang dilatih untuk menjalankan tugas ini apabila Pusat ini disiapkan kelak.

Berkenaan dengan campuran minyak dan ubat-ubat, Jabatan Kimia telah menjalankan tugasnya untuk menganalisa atas sample-sample yang dihantar oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan banyak contoh-contoh ini telah dianalisa. Ubat-ubat yang dihantar oleh Kementerian Kesihatan juga sentiasa dianalisa dan ini telah dijaga dengan rapi oleh Jabatan Kimia.

Saya mengucapkan terima kasih ke atas ingatan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar berkenaan dengan hidupan liar dalam Kebun Binatang. Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mendapat peruntukan yang cukup supaya binatang-binatang dapat dijaga dengan sempurna.

Berkenaan dengan solar energy atau kuasa matahari, SIRIM sedang menjalankan penyelidikan dalam kuasa solar energy.

Pada saat ini perkara ini masih dalam permulaan, seperti solar collector mengering melalui tenaga matahari dan SIRIM juga telah menghantar beberapa orang pegawai ke seminar-seminar antarabangsa mengenai kuasa matahari untuk bertukar-tukar fikiran, pengalaman dan pendapat.

Ahli Yang Berhormat juga merujuk kepada bangunan-bangunan kilang yang didirikan, beliau syorkan kilang-kilang itu sebelum didirikan patut diberi syarat alam sekitar di bawah peraturan-peraturan kualiti alam sekitar, premis yang ditetapkan, minyak kelapa sawit 1978 yang dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1978 telah mengarahkan syarat-syarat alam sekitar sebelum kilang-kilang kelapa sawit didirikan. Kilang-kilang yang lain akan dikenakan syarat-syarat yang sama. Semua kilang-kilang di kawasan-kawasan perindustrian yang dirancang adalah juga dirujuk kepada Kementerian saya sebelum diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Latihan kakitangan PUSPATI sedang dijalankan dengan pesanya di luar negeri, seperti saya katakan tadi di semua bidang penyelidikan berkait dengan kegunaan tenaga nuklear untuk keamanan dan untuk pengendalian pusat itu.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan jika ada apa-apa perkara yang saya tidak sebutkan dalam jawapan saya, saya akan ambil perhatian dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat cadangan-cadangan yang membina dan saya akan ambil perhatian atas cadangan-cadangan itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,496 untuk maksud B. 52 dan \$5,310,000 untuk Maksud B. 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jajual; dan wang sebanyak \$6,245,263 untuk Maksud P. 52 dan \$228,590 untuk Kepala P. 53 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 54, B. 55, B. 56, B. 57, B. 58, B. 59 dan B. 60 (Jadual)

Maksud P. 54, P. 55, P. 56, P. 57, P. 58, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya memohon membentangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, di bawah Maksud-maksud B. 54 hingga B. 60 seperti berikut:

B. 54—Kementerian Pengangkutan	\$ 1,836,700
B. 57—Jabatan Penerbangan Awam	10
B. 58—Jabatan Penerbangan Awam Sabah dan Sarawak	11,463,300
B. 59—Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca	9,404,200
B. 55—Jabatan Laut	5,450,400
B. 56—Jabatan Laut Sarawak dan Sabah	8,736,900
B. 60—Jabatan Pengangkutan Jalan	11,930,300
Jumlah Semua	\$48,821,810

dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Maksud-maksud P. 54 hingga P. 60 seperti berikut:

P. 54—Kementerian Pengangkutan	\$114,462,010
P. 57—Jabatan Penerbangan Awam	45,613,450
P. 58—Jabatan Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah	40,410,950
P. 59—Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca	2,048,900
P. 55—Jabatan Laut	3,684,230
P. 56—Jabatan Laut Sarawak dan Sabah	809,820
P. 60—Jabatan Pengangkutan Jalan	1,561,000
Jumlah Semua	\$208,590,360

Secara ringkas Kementerian Pengangkutan mempunyai objektif untuk menyelaraskan segala perkembangan dan pembangunan kemudahan pengangkutan di negara ini sama ada darat, udara dan laut supaya ianya menjadi satu sistem pengangkutan yang cekap, ekonomik, "reliable" dan selamat. Kementerian saya pada masa hadapan akan terus memperkemaskan dasar-dasar yang ada dan di mana perlu mengujudkan dasar-dasar yang baru bagi semua aspek kemudahan pengangkutan sama ada melalui jalanraya, rel, udara atau laut supaya ianya dapat memberikan sumbangan-sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan negara dan untuk kemudahan dan kesenangan segenap lapisan rakyat. Kementerian saya selain daripada menentukan dasar adalah juga bertanggungjawab bagi menyelaraskan segala aspek-aspek pentadbiran, penyelidikan dan perancangan bagi Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berada di bawahnya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Jabatan Penerbangan Awam

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Barat memerlukan peruntukan sebanyak \$50,623,685 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya. Dari sejumlah itu, sebanyak \$45,613,450 adalah dikehendaki daripada pinjaman dan selebihnya didapati daripada hasil perkhidmatan Jabatan.

Bagi Sarawak dan Sabah, Jabatan Penerbangan Awam dijangka memerlukan sebanyak \$11,463,300 bagi membiayai belanja mengurusnya dan sebanyak \$40,410,950 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya.

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$9,404,200 bagi membiayai perbelanjaan mengurusnya dan sejumlah \$2,048,900 untuk projek-projek pembangunannya. Di antara projek-projek pembangunannya yang terbesar ialah pembinaan stesen-stesen kajicuaca termasuk rumah-rumah kediaman rasmi bagi kakitangan jabatannya, pembelian dan pemasangan alat-alat letronik bagi stesen Kota Bharu dan pembelian dan pemasangan sebuah radar amaran ribut bagi stesen Kluang.

Jabatan Laut

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dijangka memerlukan peruntukan sebanyak \$9,134,630 dalam tahun 1979 iaitu terdiri daripada \$5,450,400 bagi belanja mengurus dan \$3,684,230 pula bagi membiayai projek-projek pembangunannya.

Jabatan Laut Sabah dan Sarawak pula dijangka akan membelanjakan sebanyak \$8,736,900 bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah \$809,820 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya.

Pelabuhan-pelabuhan

Di antara projek-projek pelabuhan yang terbesar yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Bintulu. Pelabuhan Kuantan dijangka akan memulakan operasinya pada awal tahun hadapan dan projek pembesaran dan penyambungan wap di Butterworth sedang pesat dijalankan. Tender-tender bagi projek-projek pembinaan Pelabuhan Bintulu akan dipanggil pada awal tahun depan.

Keretapi Tanah Melayu

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan dalam usaha memperbaiki lagi mutu perkhidmatannya. Di antara projek-projeknya yang dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1979 ialah projek pembinaan sambungan rel ke Pelabuhan Johor, memperbaiki jambatan-jambatan keretapi, pembaharuan landasan dan pembinaan 9 buah koc di Bengkel Sentul.

Jabatan Pengangkutan Jalan

Jabatan Pengangkutan Jalan memerlukan peruntukan sebanyak \$13,491,300 bagi tahun 1979 iaitu sebanyak \$11,930,300 untuk belanja mengurus dan sejumlah \$1,561,000 untuk projek-projek pembangunannya. Di antara projek-projeknya yang terpenting ialah projek pembinaan Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di Butterworth, Melaka, Seremban dan Kluang. Di samping itu Jabatan Pengangkutan Jalan juga dijangka akan membelanjakan sebanyak \$210,000 bagi membeli alat "Smokemeter" untuk menguji kenderaan-kenderaan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan belanja mengurus bagi tahun 1979 bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawah

Kementeriannya di bawah Maksud-maksud B. 54 hingga B. 60 berjumlah \$48,821,810 diluluskan dan peruntukan belanja pembangunan bagi Maksud-maksud P. 54 hingga P. 60 sebanyak \$208,590,360 diper-setujui dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 54 sehingga B. 60 berjumlah \$48,821,810 Maksud Pembangunan P. 54 hingga P. 60 berjumlah \$208,590,360 di bawah Kementerian Pengangkutan sekarang terbuka untuk dibahas.

4.35 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Bekalan B. 54, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran; Aktiviti (2)—Perancangan dan Aktiviti (3)—Keselamatan Jalan Raya.

Pembangunan negara berjalan dengan begitu pesat. Jalanraya memainkan peranan yang begitu penting untuk menyambung dari satu tempat ke satu tempat dan oleh kerana pembangunannya begitu pesat dijalankan, sehingga pengangkutan tidak dapat seimbang dengan kepesatan pembangunan jalan, pada hari ini.

Ternampak kepada kita bahawa kereta-kereta yang ada di seluruh negara adalah terlalu banyak sehingga dengan keadaan pengangkutan tidak dapat seimbang dengan jalan. Jalan yang dibuat 10 tahun dahulu tidak dapat menampung kesesakan kenderaan yang begitu banyak sekarang ini, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini senantiasa didapati.

Kesesakan kenderaan di bandaraya kita tak ubah seperti di Bangkok dan Manila yang dengan mudah sahaja boleh berlaku trafik jem di sana sini.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan supaya dalam membuat perancangan untuk masa depan, kajian penduduk, penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar, projek perumahan, jalanraya dan segalanya yang bersangkutan dengan kenderaan, hendaklah dibuat analisa supaya semua Jabatan-jabatan yang terlibat dapat dirunding sama agar perancangan kita dapat dikemaskini dengan lebih teratur.

Dalam masa kesibukan kenderaan ini, pengguna jalanraya selalu tidak mematuhi peraturan lalu lintas. Ini boleh menyebabkan kemalangan.

Dalam hal ini juga, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang dedikasi, cekap dan berhimah tinggi. Kita sungguh berasa bangga dengan kecekapan yang ditunjukkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan yang dapat memberi pengajaran kepada semua pemandu-pemandu kenderaan khususnya bas dan lori.

Kita berharap dengan minat yang tinggi yang ditunjukkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan ini akan dapat memberi semangat kepada pegawai-pegawainya bertindak menjalankan kuaikuasa undang-undang peraturan lalulintas supaya undang-undang itu dapat dipatuhi. Kepada mereka yang melanggar peraturan undang-undang, saya rasa adalah wajar dikenakan hukuman.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Bekalan P. 57, Butiran I—Pinjaman kepada Penerbangan Awam untuk projek-projek pembangunan.

Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan mengenai apangan terbang kita di Subang. Lapangan terbang ini bukan sahaja menjadi tumpuan pelawat-pelawat dari luar, malah juga pelancang-pelancang.

Yang menyedihkan kita ialah kebersihan di sekitar bangunan itu tidak terkawal dengan sesungguhnya dan ini menyebabkan kekotoran berlaku di mana sampah-sampah dibuang di merata tempat.

Saya ingin mengesyorkan supaya pengawal-pengawal yang bertugas di lapangan terbang Subang atau di mana sahaja mereka berada, hendaklah diberi kuasa untuk bertindak kepada siapa juga yang membuang sampah, boleh didenda dengan sewajarnya. Ini boleh memberi pengajaran kepada mereka kelak. Dan perasaan sivik ini hendaklah selalu ditekankan kepada mereka bahawa kebersihan itu adalah menjadi tugas setiap orang.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh mengenai Maksud P. 57 juga (Pembangunan) yang mana kita terdapat lapangan terbang di Kota Bahru hari ini memandangkan kesibukan dan banyaknya penumpang-penumpang yang ingin datang ke Kuala

Lumpur dengan keadaan lapangan terbang di sana tidak dibaiki dengan secepatnya yang mana kita tahu ada peruntukan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan hendak membesarkan bangunan lapangan terbang di Pengkalan Chepa itu. Oleh kerana memandangkan keadaan hari ini sepatutnyalah pihak Kementerian dapat membesarkan lapangan terbang di Pengkalan Chepa itu supaya selesai dengan keadaan bangunan yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh P. 57, Perkhidmatan Penerbangan Awam yang mana kita tahu terdapat banyak penerbangan-penerbangan MAS yang telah membawa penumpang-penumpang daripada seluruh negara hari ini bahawa di Kelas Ekonomi makanan-makanannya selalu digunakan dengan sandwich yang keras. Tidakkah pihak yang berkenaan dapat menyelesaikan keadaan makanan itu supaya dapat menggambarkan kesenian atau menggambarkan cara tradisi orang-orang Melayu, sebabnya makanan-makanan daripada orang Melayu kita pun banyak boleh memberi keselesaan dan kesedapan kepada penumpang-penumpang kapal terbang MAS hari ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong penuh peruntukan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.43 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap atas Tajuk B. 60—Pengangkutan Jalan, Butiran 1100, muka surat 460, Aktiviti (5) Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu, dan Aktiviti (7) Penguatkuasa.

Sebelum saya bercakap, Tuan Pengerusi, atas aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan yang telah bersungguh-sungguh mengambil tindakan untuk menghapuskan segala perbuatan penyelewengan di dalam dan di luar jabatannya. Saya yakin bahawa pihak RIMV ini akan dapat kerjasama penuh dari semua lapisan rakyat. Akan tetapi kita haruslah juga menyedari bahawa kita sebagai manusia boleh membuat kesalahan dan kita mahulah mengkaji semula

tindakan-tindakan yang telah diambil baharu-baharu ini untuk mewujudkan satu sistem yang lebih berkesan dan memuaskan hati.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang ada satu controversy di mana ada satu tuduhan iaitu para penguji-penguji telah melakukan sebarang sabotaj dalam memberi markah terhadap ujian memandu. Kesatuan Penguji-penguji Kenderaan Semenanjung Malaysia telah menafikan tuduhan itu dan telah menjelaskan bahawa sistem ujian memandu baharu sebagai kemas dan mudah bekerja. Di masa yang lampau, peratus kelulusan adalah sentiasanya tinggi ada kadang-kadang sampai ke 90% dalam satu-satu ujian. Kini peratus kelulusan seperti diumumkan oleh pihak RIMV telah turun dan kadangkala sampai ke peringkat 2% sahaja lulus ujian memandu. Apakah yardstick yang digunakan sekarang oleh pihak RIMV untuk memberi keputusan sama ada seseorang pemandu itu layak atau tidak. Saya telah menerima surat-surat daripada pemandu-pemandu yang tidak puas hati terhadap keputusan tentang ujian memandu yang dibuat oleh RIMV. Markah yang mereka telah dapat adalah lebih daripada 50% dan kadang-kadang lebih daripada 70%, tetapi mereka telah gagal juga. Saya telah menulis kepada pihak berkenaan mengenai hal tersebut dan diharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat membuat penyiasatan ke atas hal ini. Jika didapati adanya kelemahan-kelemahan dalam sistem ujian memandu baharu ini saya harap diambil langkah untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Pengerusi, kita tentu sedar bahawa berlakunya kemalangan-kemalangan di jalan-raya bukan 100% diakibatkan oleh mereka yang mengambil dan telah lulus ujian memandu mengikut sistem yang lama, dan pada pendapat saya mereka adalah bukan tidak begitu layak. Dalam sistem ujian memandu yang baharu ini mereka yang telah lulus pun boleh juga menghadapi sebarang kemalangan, perkara ini tidak ada jaminannya. Faktor-faktor bagi punca kemalangan adalah banyak dan bukan satu sahaja. Oleh kerana ini saya harap pihak RIMV akan memberi peluang kepada mereka yang telah gagal untuk membuat rayuan. Tindakan yang saksama dan adil ke atas mereka hendaklah digalakkan khasnya kepada

mereka yang mencari nafkah sebagai pemandu dan juga penunggang motosikal. Pengangkutan motosikal adalah yang paling murah dan senang digunakan lagi cepat (commute) ke tempat kerja dan balik.

Saya tidak mencadangkan bahawa standard ujian memandu direndahkan tetapi perlu diregularise dan standardise markah-markah kelulusan dan peluang untuk membuat rayuan. Saya juga harap Kementerian yang berkenaan akan update buku Panduan Undang-undang Lalulintas yang ada di pasaran sekarang. Keadaan sebenar sekarang ialah pemandu-pemandu yang mengambil ujian sekarang tidak tahu mana buku yang harus diikuti. Kita mesti membaiki keadaan ini agar ada satu standard buku Panduan Undang-undang Lalulintas diterbitkan dengan segera dan semua pihak boleh menggunakannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan kesulitan operator bas mini. Walaupun bas mini telah dilancarkan sejak tahun 1975 iaitu 3 tahun dahulu, saya terdapat banyaknya operator-operator menghadapi masalah kehidupannya kerana tindakan pihak-pihak berkuasa yang terlalu tegas. Dan juga baru-baru ini kita menyaksikan satu strike bas kilang. Dalam satu operasi RIMV baru-baru ini, saya mendapat tahu adanya bas mini yang dikenakan denda antara \$200 hingga \$1,000 setelah basnya ditahan di RIMV selama lebih kurang satu minggu kerana kesalahan lalulintas. Hukuman ini bermakna kehidupan mereka ini telah diganggu selama basnya ditahan dalam RIMV.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat hukuman berat seperti ini adalah tepat jika kesalahannya adalah seimbang dengannya. Tetapi saya telah mendapat tahu ada pemandu diberi hukuman yang berat seperti ini atas kesilapan yang kecil sepertimana permit bas tidak dipamirkan walaupun ada dibawa di dalam bas. Saya juga mendapat tahu adanya bas ditahan kerana kesalahan jalan laluan walaupun pihak-pihak berkuasa tidak memberi arahan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, contohnya bas-bas yang biasa melalui Universiti Malaya telah dilarang memasuki Universiti semasa tempat itu dijadikan Games Village bagi peserta Kejohanan Ping Pong, tetapi tidak diberitahu dengan terangnya mana jalan laluan

untuk menggantikannya. Ini saya berasa adalah satu kesilapan pentadbiran tetapi jika seseorang pemandu bas ditahan oleh sebabnya dan diberi hukuman yang tegas tidak berapa adil.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bas mini mengangkut lebih penumpang, saya ingin bertanya, adakah kita cuba fikir sebenar-benarnya kenapa perkara ini berbangkit. Adakah kita adil jika kita menyalahkan cuma pemandu-pemandu dan kondaktor-kondaktor bas mini sahaja walaupun orang ramai telah selalu diberitahu dalam akhbar supaya janganlah menaiki bas yang mengambil lebih penumpang kerana tidak ada perlindungan insuran tetapi mereka nak juga.

Untuk mengatasi kesulitan bas ini, saya berasa kita seharusnya bertanya sendiri samada orang ramai lebih suka menaiki bas mini walaupun kena berdiri, oleh sebab kemudahan bas mini adalah lebih cepat dan murah. Orang ramai terpaksa menaiki bas mini walaupun kena berdiri, oleh sebab masih tidak cukup kenderaan awam yang murah di sekitar Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah hampir cukup—satu minit lagi.

Dr Tan Tiong Hong: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengambil peluang membangkitkan sedikit masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik lori. Usaha ini dan tindakan yang telah diambil oleh pihak RIMV juga memberi kesusahan kepada pemilik-pemilik lori dan saya juga berharap pihak berkenaan boleh mengadakan satu dailog dengan pemilik-pemilik lori dan operator-operator bas mini dan seperti yang diumumkan oleh Menteri berkenaan tidak berapa lama dahulu iaitu Menteri hendak mengadakan satu sessi dailog dengan mereka dan saya mengalu-alukan pengumuman itu dan saya harap mesyuarat ini boleh diadakan di dalam masa yang secepat mungkin.

Saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, sebagai Wakil dari Kuala Lumpur Bandar, saya hendak mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan di samping ini saya ingin mengemukakan beberapa perkara yang pada anggapan saya adalah mustahak dan penting.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 54, muka surat 421, Aktiviti (2)—Perancangan.

Memandangkan bahawa tujuan Yunit Perancangan ialah untuk menyelaraskan perancangan sistem pengangkutan awam yang teratur, selamat, cekap, laju dan murah bagi perjalanan darat, udara dan laut, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada kepentingannya supaya rakyat di negara kita dapat menikmati satu sistem pengangkutan awam yang cekap khususnya di dalam bandar seperti Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara kita.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sistem pengangkutan awam di negara kita dan khususnya di Kuala Lumpur belum memuaskan dan tidak boleh disifatkan sebagai cekap. Langkah-langkah patut diambil untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam kita dan dalam hubungan ini, saya harap bahawa Kementerian akan mengkaji dengan mendalamnya satu laporan dan rekomendasi-rekomendasinya yang disediakan oleh sebuah pasukan juru perunding dari Canada mengenai bagaimana sistem pengangkutan awam di negara kita dapat diperbaiki lagi supaya beberapa rekomen itu dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai Aktiviti (3)—Keselamatan Jalanraya.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun ada sebut tentang Buku Panduan Jalanraya yang sekarang ada digunakan untuk membolehkan pengguna-pengguna jalan untuk meneliti dengan lebih mendalamnya berkaitan dengan panduan jalanraya ini.

Mengenai keselamatan jalanraya, saya suka mencadangkan di sini bahawa Kementerian patutlah dan masa telah sampai mengambil tindakan untuk mengeluarkan Buku-buku Panduan Jalanraya yang lengkap

dan betul untuk panduan pengguna-pengguna jalanraya. Pada masa ini hanya terdapat satu Buku Panduan Jalanraya yang diterbitkan pada tahun 1959 dan boleh dikatakan bahawa buku tersebut telah tidak sesuai dipakai (out-dated) memandangkan pembangunan jalanraya di negara kita sejak tahun 1959. Buku yang saya maksudkan ini ada di sini, buku ini diterbitkan dalam tahun 1959 dan boleh dikatakan telah out-dated.

Di sini saya mencadangkan bahawa Kementerian ini akan bertindak untuk menggantikan Buku Panduan Jalanraya yang lama dengan Buku-buku Panduan Jalanraya yang baru dan lengkap dengan panduan-panduan yang betul dan uniform untuk kegunaan orang ramai dan khususnya oleh sekolah-sekolah jurulatih memandu. Dengan cara ini, saya berpendapat bahawa ini akan merupakan satu langkah yang wajar untuk mengurangkan dan mengatasi kemalangan jalanraya.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Maksud B. 60—Pangangkutan Jalan, Aktiviti (5)—Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu.

Tuan Pengerusi, sejak sistem ujian baru dilaksanakan oleh Jabatan Pangangkutan (RIMV) pada bulan Oktober/September tahun ini, banyak reaksi telah disiarkan di dalam surat khabar tempatan dari orang ramai dan juga daripada sekolah-sekolah jurulatih memandu.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sistem baru ini ialah satu sistem yang amat efektif dari segi mencegah rasuah. Dan sungguhpun sistem ujian baru ini telah dapat mencapai tujuan mengatasi atau membasmi rasuah di dalam RIMV dan dapat meninggikan taraf memandu demi kepentingan dan demi keselamatan jalanraya akan tetapi satu tujuan lain yang belum dicapai dan ini ialah untuk menentukan semua calon-calon akan diuji dengan adil dan saksama. Oleh kerana perkara ujian telah dipersoalkan maka terdapat ramai calon yang gagal tanpa apa-apa sebab yang menasabah. Saya terpaksa menyatakan di sini bahawa terlaksananya sistem baru ujian memandu yang diperkenalkan oleh RIMV baru-baru ini, tadi pun ada disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, peratus calon yang gagal begitu meningkat sekali. Kalau kira beratus-ratus

calon yang mengambil ujian tersebut hanya beberapa orang sahaja yang lulus. Apakah begitu rendah sekali kebolehan orang-orang atau rakyat Malaysia untuk memandu. Atau apakah yang dikatakan sama ada benar atau tidak mengenai masalah sabotaj.

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pada masa yang lalu, iaitu sejak sistem ujian baru dilaksanakan banyak aduan-aduan telah diterima oleh saya sebagai wakil rakyat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai kesusahan yang dihadapi oleh calon-calon yang hendak lulus ujian tersebut. Sungguhpun mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan dengan highway code dan sungguhpun mereka sebenarnya layak untuk memandu tetapi dengan kesalnya mereka gagal apabila diuji.

Sungguhpun saya tidak menentang pelaksanaan sistem baru ini, sebab tadi saya ada kata salah satu cara untuk membasmi rasuah. Ini adalah baik. Tetapi saya terpaksa menyoalkan dan menentang berhubung dengan sistem atau cara pemberian markah untuk ujian itu. Saya suka mengesyorkan supaya pihak RIMV menukar sistem pemberian markah kepada satu paras yang lebih realistik dan menasabah bagi membolehkan lebih ramai lagi calon-calon dapat lulus. Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sana, saya harap beliau dapat mengadakan satu penyiasatan yang mendalam untuk mendapat tahu mengapakah sebab-sebab apabila terlaksananya sistem baru ujian memandu peratus calon-calon yang gagal begitu meningkat. Pukul rata (on the average) hanya 1% hingga 15% yang lulus bagi tiap-tiap negeri.

Satu syor lagi yang ingin saya menyampaikan di sini iaitu pentadbiran di pejabat RIMV hendaklah diperbaiki lagi supaya lebih ramai Penguji (Tester) hendaklah diambil dan apa yang mustahak ialah pihak berkuasa patut menentukan bahawa penguji-penguji menjalankan tugas mereka dengan cara adil dan saksama. Dengan sistem yang lebih cekap saya percaya, drebar-drebar "L" yang hendak mengambil ujian di bawah sistem baru ini tidak perlu menunggu sampai enam hingga tujuh bulan sebelum mereka dapat dipanggil untuk ujian.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, yang saya ingin menyentuh mengenai Aktiviti (7)—Penguatkuasa.

Tuan Pengerusi, saya sukacita menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan kepada apa yang telah disifatkan sebagai satu krisis yang telah dilaporkan dalam suratkhbar di antara pengusaha-pengusaha bas mini, bas kilang dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akibat tindakan-tindakan yang paling keras yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap mereka. Dalam kempen yang dilakukan oleh pihak RIMV terhadap bas kilang dan bas mini yang dianggap telah melakukan kesalahan baikpun kesalahan kecil atau kesalahan besar, tindakan telah diambil untuk menarik cukai jalan, permit, kad pendaftaran dan lesen pemandu daripada pengusaha-pengusaha bas-bas tersebut dan dokumen-dokumen tersebut disimpan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dalam masa dua minggu hingga satu bulan dan akan dikembalikan kepada pengusaha-pengusaha sehingga mereka telah membayar saman atau denda yang begitu tinggi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah saya sambung satu minit lagi?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Satu dua ayat sahaja lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 54, Kementerian Pengangkutan dan saya bercakap termasuk juga berkenaan dengan Aktiviti (1)—Perancangan.

Tuan Pengerusi, tentang rancangan ini termasuklah keretapi dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan yang mana dalam mengusahakan kenderaan-kenderaan yang lebih bermutu khasnya Keretapi Tanah Melayu. Tetapi malangnya, Keretapi yang saya anggap bermutu dan murah harganya itu cuma kadar sampai ke Butterworth sahaja. Saya merayu kepada Kementerian berkenaan khasnya kepada Menteri, panjangkanlah perkhidmatannya sampai ke Perlis

khasnya ke Padang Besar. Hari ini mendapat sambutan, tetapi malangnya siapa yang hendak naik keretapi ekspres itu terpaksa menyewa teksi khas daripada Perlis barulah boleh naik keretapi ekspres yang bermula dari Butterworth tadi. Saya harap dan merayu sangat mulai tahun 1979 lanjutkanlah perkhidmatannya sampai sekurang-kurangnya ke Arau atau ke Padang Besar. Banyak peminat-peminat yang ingin menaiki keretapi ekspres ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada keselamatan. Keselamatan adalah satu perkara yang amat perlu. Maka dengan sebab itu saya berpendapat untuk menghindarkan segala malapetaka, saya berharap dan saya yakin sebab-sebabnya ada dua tiga sebab.

Satu, kenderaan-kenderaan ini termasuk kenderaan saya sendiripun biasa berlaku kerana kenderaan terlampau buruk. Kalau keadaan itu terlampau lama patutlah diganti dengan kenderaan baru walaupun termasuk hak Ahli Yang Berhormat sendiri. Ini saya kata dengan ikhlas.

Yang kedua, bas sekolah. Bas-bas sekolah saya dapati kebanyakannya menggunakan bas-bas yang telah dicancel oleh setengah-setengah kompeni. Pada hal bas-bas sekolah ini hasilnya pun murah, patutlah bas-bas sekolah ini disyaratkan mesti bas-bas baru untuk keselamatan orang ramai khasnya kanak-kanak yang menaiki bas yang berkenaan.

Yang ketiga, keselamatan jalanraya. Kemalangan yang selalu berlaku di jalanraya disebabkan setengah-setengah kenderaan yang besar tidak mengikut peraturan, khasnya lori. Bagaimana saya pernah kata, di dalam Dewan ini, saya ibaratkan mereka ini seperti durian dengan mentimun dengan sebab itu kenderaan besar ini tidak ambil heran. Jadi tolonglah ambil tindakan dan jaga sungguh-sungguh tentang had lajunya janganlah ditulis sahaja 25 b.s.j. kalau kita lari 50 b.s.j. pun kita tidak boleh potong lagi. Saya pun hairan. Saya ulang sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini kalau hendak beri dia lari 50 b.s.j. tulis 50 b.s.j., kalau 25 b.s.j. tidak sesuai dengan zaman.

Yang keempat, pemandu. Pemandu adalah satu perkara yang mustahak sekali. Tatkala dia memandu hendaklah di masa dia cukup siuman. Apa yang saya kata kepada Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang

mulia ini, terkena kepada pemandu motokar saya sendiri. Tiga kali kemalangan berlaku, walaupun tidak teruk dikala pemandu saya itu "frust" tetapi belum lagi mabuk. Dalam keadaan "frust" apabila fikiran terganggu memandu motokar adalah merbahaya. Apatah lagi kalau seorang itu mabuk dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya berharap pemeriksaan mengejut (surprise check) patut diadakan di jalanraya, dari segi lari deras dan juga sikap pemandu.

Saya yakin kalau, dengan cara ini, insya-Allah keselamatan jalanraya terjamin tidak semacam sekarang, boleh dikatakan berita kemalangan jalanraya di Malaysia amatlah tinggi sekali. Ini salah satu cara pada pendapat saya, untuk mengurangkannya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh B. 57—Penerbangan Awam. Saya juga berpendapat orang hendak naik kapalterbang belanjanya mahal. Walaupun kemalangan udara berlaku seperti di Johor, tetapi orang tidak takut mereka hendak naik juga kerana matlamat dia, dia hendak tuju ke tempat yang dia hendak pergi dengan seberapa segera. Katakanlah kalau dia dari Kuala Lumpur hendak bermesyuarat di Pulau Pinang ataupun orang dari Pulau Pinang hendak bermesyuarat di Kuala Lumpur dia boleh naik kapalterbang kerana hendak sampai cepat walaupun belanjanya mahal. Tetapi apakah akan jadi, Tuan Pengerusi, kata orang "cautionless delay". Dia lewat hingga tidak ketahuan hari, selalu lewat.

Saya bersetuju kalau tidak disiasat dengan teliti apabila hendak terbang lagi lingkup, minta maaf saya menggunakan perkataan "lingkup". Dengan sebab itu, patutlah diperiksa dahulu dan tidak bolehkah dibuat siasatan awal sedikit supaya jangan berlaku satu-satu perkara yang merugikan kerjanya ataupun menghalangkan matlamat ke tempat yang dia hendak pergi kerana selalu lewat. Saya berharap sangat-sangat kepada Menteri yang berkenaan dan saya tidak menyuruh menggunakan kapalterbang walaupun rosak, tetapi siasat dan ikhtiarkanlah dahulu sebelum membawa penumpang, jalankan siasatan terlebih awal lagi.

Satu lagi perkara yang saya dengar berita mengenai orang-orang yang pergi keluar negeri, kalau hendak confirm satu-satu tiket apabila hendak balik ke Malaysia hendak kena tanya di sini dahulu baru boleh menaiki

kapalterbang dengan sebab itu kena tunggu sampai berjam-jam baru boleh dapat tahu ada atau tidak tiket tersebut. Jadi kalau tidak ada apa-apa halangan, berikanlah keistimewaan kepada orang-orang yang hendak menaiki kapalterbang untuk pergi ke sesuatu tempat. Ini saya dengar berita daripada orang-orang yang biasa pergi keluar negeri, kalau saya jarang sangat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 57. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih, walaupun Perlis tidak ada lapangan-terbang, ini saya tahu kerana Perlis kecil. Apabila ada di Pulau Pinang dan ada di Kedah seperti ada di Perlis juga. Lapangan-terbang di Pulau Pinang dibuat sangat elok, sungguhpun bukan negeri saya tetapi saya anggap utara termasuklah sama asalkan di Malaysia lebih-lebih lagi di utara, saya rasa seperti negeri saya sendiri. Saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama Menteri yang berkenaan, apabila orang hendak menunaikan Fardu Haji ramai orang-orang utara dikumpulkan sekali khasnya orang Perlis, tetapi yang menyedihkan saya lapangan-terbangnya cantik, bangunannya cantik, malangnya orang yang hendak menghantar orang pergi haji bergelimpangan duduk, tidak ada satu kerusi pun. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana tempat itu bersih, jadi kalau lapangan-terbang begitu indah, kita boleh buat dengan bangunan yang saya percaya berharga berjuta ringgit, hendak menyediakan kerusi haruslah tidak sampai 1% atau 2% seperti kata pepatah Melayu: Kalau gajah boleh dibeli mustahil rusa yang murah itu tidak boleh dibeli, untuk memperlengkapkan lagi. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan tolong adakan pada tahun 1979 juga.

Mengenai lapangan-terbang ini saya berharap kalau boleh diperbesarkan sedikit Lapangan-terbang Kepala Batas. Hari ini Lapangan-terbang Kepala Batas hanya yang boleh mendarat, kalau tidak silap saya, kapalterbang Fokker ataupun kapalterbang tentera yang kecil sahaja. Kapal-terbang seperti B. 707 yang besar-besar yang boleh mendarat di Pulau Pinang, Kota Baharu tidak ada di sana. Pendek kata mahu tidak mahu itulah kapalterbang yang dinaiki oleh orang utara. Dengan ini saya berharaplah memandangkan negara kita sudah maju hari ini banyak orang suka naik kapal-terbang, termasuklah juga orang Alor Setar, Kedah dan orang Perlis pun tidak payah lagi.

Hari ini Tuan Pengerusi, seorang daripada Perlis hendak datang ke Kuala Lumpur walaupun kapalterbang berjalan cepat tetapi disebabkan terpaksa ke Pulau Pinang memakan masa lebih kurang 1 jam kena naik feri dan sebagainya sama seperti menaiki motokar ke Kuala Lumpur apatah lagi kalau jenis motokar yang boleh lari sampai 60-70 batu satu jam, saya ingat orang yang hendak turun di Kangar naik motokar ke Bayan Lepas samalah sampainya dengan orang yang pergi bermotokar ke Kuala Lumpur. Itulah bezanya, sebab lapanganterbang itu jauh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, satu ayat lagi iaitu keselamatan jalanraya.

Tuan Pengerusi: Setengah minit tidak lebih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai ujian memandu, saya ucapkan tahniah kepada Encik Hassan Ibrahim, walaupun ada orang yang membangkang. Kita sebagai Kerajaan yang menjaga kepentingan umum itu adalah menjadi hak kita. Misalnya kalau satu orang dia tidak boleh memandu motokar kita beri lesen inilah punca yang besar membawa kemalangan. Biarlah orang marah asalkan keselamatan umum kita jaga khasnya orang yang tidak berdosa di tepi jalan tiba-tiba orang yang memandu tidak cekap, orang yang tidak berdosa itu menjadi korban, ini adalah penyakit disebabkan tidak ada kecekapan, dengan sebab itu apa yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan saya sokong untuk pendapat umum.

Sekian, sekali lagi saya sokong peruntukan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.16 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara terutama pada muka surat 421 di bawah Maksud B. 54, Butiran 1100.

Tuan Pengerusi, di sini saya akan menyentuh tanggungjawab dan tugas seorang Menteri Pengangkutan yang berkaitan dengan tanggungjawabnya terhadap penadbiran di RIMV.

Tuan Pengerusi, di sini saya perlu mengucapkan tahniah kerana keberanian dan inisiatif tindakan yang diambil oleh Ketua Pengarah RIMV iaitu Encik Hassan Ibrahim dengan melancarkan satu kempen anti korupsi untuk membersihkan Jabatan Pengangkutan di bawah jagaannya. Kita semua tahu bahawa bagaimana dahsyat dan hebatnya berlaku di dalam Jabatan Pengangkutan maka sehingga terpaksa seorang Ketua Pengarah bertindak dengan begitu berani untuk membersihkan Jabatannya untuk memulihkan imej pengangkutannya tetapi saya tidak tahu apakah sebabnya baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengeluarkan satu Perintah Am kepada Ketua Pengarah, di sini sudah menimbulkan satu syak-wasangka di antara rakyat terhadap tindakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini. Adakah Ketua Pengarah RIMV, Encik Hassan Ibrahim telah membuat kesalahan maka dia perlu dikeluarkan satu Perintah Am supaya dia tidak boleh membuat apa-apa kenyataan berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan yang akan dijalankannya. Mungkin Ketua Pengarah sudah melanggar Perintah Am tetapi walau bagaimanapun pada saat kempen pembersihan secara besar-besaran telah dilancarkan dengan kebetulan pula perintah Am ini dikeluarkan. Di sini saya harap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh memberitahu Dewan ini khasnya dan rakyat Malaysia amnya bahawa apakah sebabnya Perintah Am ini dikeluarkan dan juga di sini saya perlu menyeru sebenarnya semua Ketua-ketua Jabatan baik di peringkat Persekutuan atau Negeri bolehlah mencontohi tindakan, keberanian yang diambil oleh Ketua Pengarah Encik Hassan Ibrahim itu.

Tuan Pengerusi, di sini saya perlu menyentuh mengenai tragedi MAS pada 4hb Disember, 1977. Walau bagaimanapun satu kenyataan tidak boleh dinafikan atau disangkalkan oleh sesiapa pun ialah tragedi ini adalah berlaku kerana kelalaian tanggungjawab pihak Kementerian yang berkenaan untuk memperlengkapi kemudahan keselamatan di lapanganterbang. Memang pihak Kementerian Pengangkutan boleh membuat

berbagai alasan untuk mengelakkan tanggung-jawabnya. Tetapi di sini perlu kita mempelajari satu pelajaran yang sangat pahit dan costly untuk negara kita di mana nyawa yang begitu ramai telah dikorbankan. Tetapi saya merasa kesal bahawa Menteri Pengangkutan tidak boleh berasaskan kepada perikemanusiaan untuk memberikan satu pampasan yang adil, saksama dan bercorak perikemanusiaan kepada keluarga simati yang berkenaan. Saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menggunakan standard (S.D.R.) untuk membuat satu keputusan yang berkaitan dengan gantirugi.

Di sini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan perlu sedar kerana trajedi ini berlaku atas kelalaian tanggungjawab dan keselamatan Kementerian Pengangkutan maka dengan trajedi yang berlaku terhadap keluarga simati ini perlulah Kerajaan Malaysia mengambil satu tindakan yang bersifat perikemanusiaan supaya gantirugi boleh dibayar dengan segeranya dan bilangan yang dibayar ini perlulah adil dan saksama. Saya tidak tahu apa sebabnya bila seorang penumpang yang berumur 12 tahun bayaran tiketnya yang dibeli akan dikira sebagai dewasa. Bila pampasan dibayar penumpang-penumpang yang terkorban dalam kemalangan ini yang berumur 18 tahun ke atas adalah dikira dewasa, di sini saya tidak tahu bagaimana perkiraan pampasannya.

Tuan Pengerusi, keluarga-keluarga simati juga adalah membuat satu desakan dan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya perakam suara ini boleh didengar oleh kerluarga-keluarga yang berkenaan supaya segala syak-wasangka boleh dijernihkan, boleh dihilangkan dengan perakam suara ini diumumkan. Kalaulah tidak berlaku apa-apa kesilapan atau apa laporan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai perakam suara ini, saya yakin Yang Berhormat Menteri tidak akan merasa keberatan apa-apa pun untuk membiarkan keluarga-keluarga simati, kalau boleh jemput seorang Hakim untuk bersama-sama hadir mendengar apa perkara sudah berlaku dalam kemalangan kapalterbang ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya perlu meminta dan merayu bagi pihak keluarga-keluarga simati yang terlibat dalam trajedi

pada 4hb Disember tahun yang lepas, pertama, satu pampasan yang adil dan berperikemanusiaan boleh dibayar dan dijelaskan selewat-lewatnya pada masa satu bulan ini. Kedua, perakam suara ini boleh dimainkan semula supaya keluarga-keluarga simati boleh bersama-sama mendengar; kalau boleh, Ahli-ahli Dewan Rakyat inipun boleh dijemput untuk mendengar apakah yang sebenarnya telah berlaku dalam perakam suara ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak akan merasa apa-apa keberatan dan bila menggulung jawapannya dia boleh memberitahu kepada Dewan ini apakah tindakan akan diambil oleh beliau mengenai kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.22 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penuh di atas permintaan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pengangkutan yang mana berjumlah \$257,412,170 ini supaya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tujuan Kementerian ini ialah untuk menerus, merancang dan melaksanakan satu sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan ekonomik untuk perjalanan orang-orang serta juga pengangkutan barang-barang melalui darat, laut dan udara. Maka peruntukan yang diminta itu adalah sewajarnya ditimbang oleh Dewan yang mulia ini, kerana permintaan yang diminta oleh Menteri yang berkenaan adalah sangat berpatutan dan menasabah.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B. 54, muka surat 421, butiran 1100. Aktiviti (3), Keselamatan jalanraya (Road Safety) yang mana kita tengok pada akhir-akhir ini banyak sangat kemalangan berlaku. Kemalangan sentiasanya berlaku adalah disebabkan lori dan bas dan kenderaan-kenderaan berat selalu berlanggar dengan kereta-kereta kecil seperti motosikal, basikal dan sebagainya, menjadi kemalangan kepada mereka yang kecil-kecil ini.

Saya memandang di belakang lori ataupun di belakang bas ini selalu tertulis "35 b.s.j." ataupun "25 b.s.j.", tetapi mengapa jabatan

ataupun Kementerian berkenaan tidak mengambil indah kerana saya sendiri biasa memandu kereta saya di antara Tanjong Malim ke Slim River, itulah satu-satunya jalan yang agak enak sedikit, saya pernah memandu 60 b.s.j.; memang susah bagi saya hendak memotong bas ataupun lori yang dahulu daripada saya yang telahpun ada 25 b.s.j. tertulis di belakangnya. Oleh yang demikian, saya harap eloklah sangat Kementerian berkenaan supaya mengkaji kalau kita buat Undang-undang, gunakanlah Undang-undang itu dan kuatkuasakanlah (enforce) perkara-perkara itu kita ikut, itu senang sahaja. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan dan pegawai-pegawainya ekor dari belakang dengan meter keretanya kita boleh tahu mereka itu melakukan kesalahan, kalau kereta kita lari 40 b.s.j. susah hendak memotong dia, bermakna dia lari 50 b.s.j., jadi tahan dia, tangkap, saman dan denda straightaway.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P. 57 di bawah Lampiran F, muka surat 543, yang mana jumlahnya \$45.613 juta diminta oleh Kementerian berkenaan untuk projek-projek pembangunan awam. Berkenaan dengan perkara ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kerana saya mintalah supaya sebahagian daripada peruntukan yang begitu banyak digunakan untuk memperelokkan lapangan-terbang-lapanganterbang yang sedia ada, terutamanya Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Tempat yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian ini tidak lain dan tidak bukan ialah berkenaan dengan kekotoran yang sangat merunsingkan penumpang-penumpang. Tandas-standas tidak layak ditempatkan di lapanganterbang antarabangsa kerana kalau orang kampung datang sekalipun tempat mereka tidak pernah ada tandas, mereka tengok tandas-standas di lapangan-terbang itu adalah sangat kotor, tidak dijaga oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ini mungkin juga kerana Menteri, Timbalan Menteri ataupun pegawai-pegawai berkenaan selalu menggunakan lapanganterbang ini tidak mengikut tempat biasa, selalu mereka pergi ke tempat VIP rooms dan mungkin juga pekerja-pekerja ini memberi layanan istimewa, bersih yang begitu bersihnya tempat VIP, maka Menteri dan Timbalan Menteri tengok selalu bersih. Saya nasihatkan

Menteri, Timbalan Menteri ataupun pegawai-pegawai daripada Kementerian ini cubalah pergi tengok di tempat orang awam menggunakan yang sangatlah teruk.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian ini ialah berkenaan dengan surau. Surau ini adalah penting di tiap-tiap lapanganterbang, terutamanya Lapanganterbang Antarabangsa Subang kita tidak ada surau. Saya memandang perlu kepada surau kerana kebanyakan orang kampung sekarang tidak lagi pergi ke Mekah melalui kapal laut, semuanya pergi melalui kapalterbang. Saya pernah menghantar keluarga saya pergi ke Mekah melalui Lapanganterbang Antarabangsa Subang, apabila sampainya waktu hendak sembahyang dicarinya surau tidak ada. Oleh yang demikian, surau ini adalah penting, ratusan ribu manusia menggunakan lapangan-terbang dan kalau ada surau ini dan sempena dengan Bulan Dakwah pada masa sekarang ini perlu sangat surau ini diberi keutamaan oleh Kementerian berkenaan. Orang kita di kampung tidak lagi pergi dengan kapal-kapal laut seperti dahulu, dengan kapalterbang inilah mereka pergi ke Mekah pada masa sekarang. Oleh yang demikian, tandas dan surau ini saya minta supaya Kementerian ini memberi perhatian istimewa supaya diadakan dengan seberapa cepat yang boleh.

Di dalam Lampiran F juga, Butiran (5), Pembangunan Lapanganterbang Alor Setar. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian berkenaan kerana membuatkan peruntukan sebanyak \$3 million dan dengan peruntukan ini saya yakin dan percaya bahawa Lapanganterbang Alor Setar juga boleh dielakkan daripada apa yang ada pada hari ini, dan mungkin sahabat saya daripada Perlis tadi tidak lihat perkara itu kerana peruntukan telah ada dan kerjakerja sedang dijalankan pada hari ini. Di sini saya daripada Kedah dan juga Perlis, kami berasa bangga lapanganterbang kami juga sedang diperbaiki dan dipereleokkan pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang perlu saya sebutkan di sini yang pernah berlaku kepada saya sendiri ialah berkenaan penerbangan MAS. Maksud MAS ini yang sebenarnya "Mana Ada Sistem". Anak saya hendak berlepas balik ke England, saya

telahpun confirm tiketnya di Alor Setar, dijawabnya telahpun confirm. Pada hari yang sepatutnya anak saya bertolak, saya terus pergi ke lapanganterbang. Apabila pergi ke Lapanganterbang Subang didapati bukanlah anak saya seorang yang tidak boleh naik kapalterbang, malahan 20 orang lebih lagi tidak ada tempat, sungguhpun semuanya telah confirm.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cuma satu minit sahaja lagi.

Tuan Hashim bin Endut: Oleh yang demikian, sistem yang dijalankan oleh MAS ini apabila hendak confirm, mestilah confirm dengan betul, jangan confirm olok-olok sepertimana yang telah berlaku kepada satu ketika di mana anak saya hendak balik ke England dahulu.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muka surat 450, B. 59, Butiran 1100, Aktiviti (2), Penyelidikan (Research) berkenaan dengan hujan tiruan. Nampaknya hujan tiruan telah dibuat oleh Kementerian berkenaan dan ada kalanya berjaya dan ada kalanya tidak berjaya, sehingga satu musim padi yang lepas, hujan tiruan dibuat oleh Kementerian berkenaan tetapi tidak ada hujan. Oleh yang demikian, hujan tiruan (cloud seeding) ini mestilah dikaji, disiasat semula supaya kalau hendak buat hujan tiruan, biarlah ada hujan dan pak tani di sana boleh dapat hujan dengan sepenuhnya.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, dengan ini saya sokong peruntukan Kementerian ini supaya diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.30 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak menyokong peruntukan Kementerian ini. Cuma ada dua tiga perkara yang saya hendak tegur iaitu berkenaan dengan Pentadbiran Am, Perancangan dan Keselamatan Jalanraya di muka surat 421.

Masalah Pentadbiran Am, saya minta pihak Kementerian ini menjalankan sedikit penyiasatan ke atas komplek-komplek yang saya terima mengenai sikap pegawai-pegawai

Jabatan Pengangkutan, terutama sekali mengenai hendak membayar, membaharui lesen teksi, motokar dan lori, yang mana didapati di pekan-pekan kecil, orang ramai, tuan-tuan punya kenderaan ini menghadapi masalah sikap melambat-lambatkan daripada pegawai-pegawai di Jabatan tersebut.

Misalnya disuruh semua orang beratur, tunggu sampai berjam-jam, tidak juga dapat layanan, walhal, apabila diperhatikan keadaan mereka itu masih berbual-bual dan sebagainya. Sungutan yang didapati oleh orang ramai seolah-olah oleh sebab tegasnya tindakan Hassan Ibrahim sekarang ini barangkali menyebabkan pegawai yang berkenaan ini sengaja melambat-lambatkan, sengaja menyakitkan hati orang ramai, walhal orang ramai ini hendak membayar dan menambahkan pendapatan (revenue) untuk Kerajaan. Jadi, saya minta pegawai-pegawai di Kementerian Pengangkutan supaya menyasat masalah sikap pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan, khususnya di pekan-pekan kecil dan saya sendiri mengalami masalah ini di pekan Seremban. Baru satu hari yang lepas saya sendiri menengok—saya tidak faham—benda itu sengaja dilewat-lewatkan; benda itu seperti membaharui lesen boleh disiap sekejap sahaja. Dikata “tunggu”, “tunggu”, “datang petang”, “datang besok” dan sebagainya. Perkara ini benar-benar berlaku, jadi saya minta pihak Kementerian supaya menyasat dalam perkara ini.

Yang kedua, dari segi perancangan. Ini mengenai masalah pembinaan lebuhraya. Saya minta pihak Kementerian ini bekerjasama menyelaraskan usaha-usaha dengan JKR, iaitu apabila membuat lebuhraya ini hendaklah juga disediakan ruangan-ruangan di mana lori-lori yang besar-besar ini kalau hendak berhenti berihat ada tempatnya, seperti yang kita lihat di luar negeri. Ada tempat lori-lori ini menempatkan. Kalau rosak sedikit ada tempat, tidak seperti yang berlaku sekarang ini di mana lori-lori ini terpaksa berhenti di tepi jalan lebuhraya. Kita semua sedia maklum, di lebuhraya segala kenderaan semuanya laju dan lori-lori ini memasang lampu kecil waktu malam, maka inilah yang menyebabkan berlakunya kemalangan yang tidak disangka-sangka.

Juga dalam perkara lebuhraya ini, saya nampak seolah-olah Kementerian Pengangkutan ini tidak ada rancangan yang lebih

sedikit dari semata-mata membuat jalan, iaitu tidak ada ruangan tanah yang kosong di tepi jalan. Apa salahnya pokok-pokok getah yang berhampiran itu dipotong sehingga memberi jarak sampai 20 ataupun 30 kaki supaya waktu musim hujan dan ribut kalaupun pokok getah itu jatuh tidak melin as dan menghalang jalanraya. Ini tidak ada peruntukan saya tengok.

Ketiga, seperti di luar negeri lebuhraya itu ada tempat orang ramai hendak berihat, hendak makan dan minum, dan juga tidak ada peruntukan kawasan tanah diuntukkan kepada pihak-pihak swasta yang suka hendak membuat jenis perniagaan untuk kemudahan orang ramai yang menggunakan lebuhraya. Saya berharap kepada Kementerian Pengangkutan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan ini demi untuk kepentingan orang ramai dan demi untuk keselesaan orang ramai dan juga untuk keselamatan orang ramai.

Itulah satu dua perkara yang ingin saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan dalam perkara ini.

Akhir sekali saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan—perkara ini selalu dalam beberapa mesyuarat dalam Dewan ini juga ditanya—bilakah Lapanganterbang Subang yang baru, yang banyak kali dibincangkan dan yang dikatakan hampir siap, akan dimulakan, sebab nampaknya belum ada apa-apa perubahan; bila agaknya dapat kita lihat supaya Lapanganterbang yang kita cadangkan berbentuk moden yang akan membelanjakan beratus juta ringgit itu hendak dimulakan. Telahkah diselesai masalah-masalah asas yang pernah kita bincangkan di dalam persidangan-persidangan yang lalu? Terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.36 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya juga berdiri bersama rakan-rakan saya Yang Berhormat untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pengangkutan bagi tahun 1979.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Kementerian ini untuk mendapat maklumat dan juga perhatian daripada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai yang berkenaan.

Pertama, di bawah Maksud B. 54, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Keselamatan Jalanraya. Kita telahpun dimaklumkan bahawa angka kemalangan jalanraya di negara kita merupakan satu perangkaan yang besar dan kalau dikira di segi kematian yang berlaku akibat dari kemalangan-kemalangan di jalanraya, mungkin satu peratusan yang tertinggi kalau dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara yang telah maju. Kita mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha Kementerian yang telah dijalankan bagi menentukan keselamatan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna jalanraya dengan mengadakan jalan-jalan yang lebih baik dan juga peraturan-peraturan yang boleh diguna dan diamalkan oleh pemandu-pemandu di jalanraya.

Satu perkara berkenaan dengan penggunaan topi keledar yang telahpun diimplementasikan mempunyai kesan yang baik, walaupun sebahagian tempat-tempatnya masih belum dikuatkuasakan ataupun belum ada penguatkuasaan dijalankan bagi menentukan tiap-tiap penunggang motosikal itu sebenar-benarnya menggunakan topi keledar dan mungkin pada beberapa bulan yang akan datang penguatkuasaan di atas talipinggang keledar di kereta-kereta juga akan dikuatkuasakan.

Di dalam hal ini, khususnya di bidang keselamatan jalanraya, saya percaya mungkin sudah sampai masanya pihak Kementerian memikirkan satu sekim ataupun satu cara kira mata (point system) untuk mengenakan penalty kepada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan dan juga mengakibatkan kemalangan di jalanraya dengan menentukan point system yang teratur; dan sekiranya mereka ini terlibat di dalam kebanyakan kemalangan, maka tindakan-tindakan yang tegas bolehlah diambil mengikut sekim ini untuk menggantung lesen-lesen ataupun cara-cara yang lain bagi menegah pemandu-pemandu ini berada di jalanraya selagi dan sehingga mereka ini tidak mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang telahpun ditetapkan di bawah keselamatan jalanraya.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh, Tuan Pengerusi, ialah di atas Maksud P. 54, Butiran 33, berhubung dengan Pembangunan Pelabuhan Johor. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang telahpun memperuntukkan sebanyak \$5 juta bagi tahun 1979 bagi usaha-usaha memperbesar dan memperlengkapkan Pelabuhan Johor. Sebagaimana yang kita maklum, kedudukan Pelabuhan Johor adalah mungkin berlainan sedikit dengan pelabuhan-pelabuhan lain di dalam negara kita oleh sebab ke hampirannya ataupun proximity Pelabuhan Johor dengan Pelabuhan Singapura. Usaha-usaha yang telahpun dibuat oleh Kementerian adalah belum lagi mencukupi untuk menentukan bahawa pelabuhan Johor ini mencapai taraf antarabangsa supaya dapat menandingi dan juga memberikan kemudahan-kemudahan yang setaraf ataupun kalau tidak lebih baik daripada itu sebagaimana yang telahpun disediakan oleh pelabuhan Singapura.

Saya dapat tahu bahawa usaha-usaha sudah pun dibuat oleh Lembaga tersebut untuk mengajak dan menjemput dan menarik lebih ramai lagi ejen-ejen perkapalan dan syarikat-syarikat perkapalan untuk menggunakan pelabuhan Johor, tetapi sehingga ini kita tidak dapat melihat response yang begitu baik dari segi pengusaha-pengusaha perkapalan bagi menggunakan pelabuhan tersebut. Ini mungkin disebabkan kerana kemudahan-kemudahan dan juga lain-lain perkara yang berkaitan dengan pelabuhan ini tidak mencukupi terutama dari segi supporting services, bunkering, stevedoring dan lain-lain hal yang berkenaan dengan pelabuhan. Jadi saya percaya dan saya berharap pihak Kementerian akan memberikan pandangan yang berat khususnya bagi melengkapi pelabuhan Johor di Pasir Gudang dengan kemudahan-kemudahan yang secukup-cukupnya untuk menandingi pelabuhan Singapura yang sudah sekian lama termasyhur.

Dan saya juga ingin mencadangkan ini supaya pihak Kementerian dengan kerjasama Kementerian yang lain memikirkan satu skim galakan kepada pengguna-pengguna pelabuhan Johor supaya mereka dapat mengalihkan pengangkutan melalui laut ini daripada menggunakan pelabuhan Singapura kepada menggunakan pelabuhan Pasir Gudang di Johor.

Saya ketahui bahawa usaha sudah pun dibuat oleh pihak Kementerian untuk menentukan bahawa eksport barangan kita ke Malaysia Timur hendaklah menggunakan pelabuhan Johor tetapi saya percaya sehingga ini sambutannya belum begitu memuaskan. Jadi saya harap pihak Kementerian akan memberikan pandangan yang berat supaya kedudukan pelabuhan Johor ini dapat diperbaiki lagi.

Satu perkara berhubung dengan pelabuhan Johor ialah oleh sebab kedudukan pelabuhan Johor ini ialah di dalam kawasan perindustrian dan juga kawasan perdagangan bebas. Jadi usaha-usaha bagi mempergiatkan dan memperkemaskan pelabuhan Johor ini adalah penting untuk menentukan perkembangan yang selaras dengan usaha-usaha bagi menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur datang ke kawasan perindustrian di Pasir Gudang.

Saya juga ingin menyentuh perkara B. 57 berhubung dengan penerbangan awam. Saya menyokong pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya berhubung dengan kedudukan Lapanganterbang Antarabangsa di Subang. Sebenarnya kedudukan Lapanganterbang Antarabangsa di Subang keadaannya semakin lama tidak begitu memuaskan dan saya harap pihak Kementerian akan mengambil berat bagi memperbaiki kedudukannya.

Berhubung dengan penerbangan awam juga sebagaimana kita tahu Lapanganterbang Senai sudahpun siap dibina dan saya ketahui usaha-usaha sudahpun dibuat oleh pihak Kementerian untuk menentukan supaya Lapanganterbang Senai itu tidak menjadi sebagai gajah putih (white elephant) dan ini Yang Berhormat Menteri sudahpun menerangkan bahawa usaha-usaha sudahpun dijalankan bagi menentukan supaya Lapanganterbang Senai ini dapat digunakan sebagai lapanganterbang bagi mengangkut cargo dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan supaya usaha-usaha yang lain juga harus dijalankan terutama bagi menggalakkan lebih ramai lagi penumpang-penumpang tempatan khususnya di kawasan Selatan untuk menggunakan sistem penerbangan awam kita melalui Lapanganterbang Senai dengan memikirkan cara-cara bagi memberikan tambang-tambang

murah dan juga galakan-galakan yang lain supaya Lapanganterbang Senai dapat digunakan dengan sepenuh masa.

Perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan Maksud B. 60, Pengangkutan Jalan.

Sebagaimana yang diketahui bahawa pihak Kementerian ini telah meluluskan supaya sistem mini bas juga digunakan dan diusahakan di Johor Bahru. Walaupun ini telah diumumkan tetapi sehingga ini belum dilihat bagi mini bas itu berjalan di pekan Johor Bahru. Dan oleh yang demikian, saya berharap tindakan yang lebih segera dapat dijalankan oleh pihak Kementerian untuk menentukan mereka yang telahpun dikeluarkan permit mini bas itu dapat melaksanakan usaha mereka seberapa cepat yang boleh, oleh sebab kedudukan sistem pengangkutan awam di Johor Bahru semakin lama semakin tenat.

Perkara yang berkaitan dengan ini, saya juga ingin mencadangkan supaya dalam bab pelesenan perdagangan, pihak Kementerian juga memikirkkan usaha-usaha alternatif yang dapat diberikan kepada pemandu-pemandu kereta sapu ataupun pirate taxis yang ada di Johor Bahru. Saya tidak menyarankan ini sebagai menyokong usaha-usaha yang bertentangan dengan undang-undang tetapi sebagai satu tindakan yang berperikemanusiaan maka pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah memikirkkan dan mengadakan cara-cara alternatif bagi memberikan peluang hidup kepada pemandu-pemandu kereta sapu yang ada di Johor Bahru terutama dari segi memberikan keutamaan kepada mereka untuk mengusahakan kereta teksi yang berlesen dan juga mini bas.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Saya menyokong peruntukan daripada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Oleh kerana masa tak mengizinkan lagi, saya bagi 5 minit kepada Ahli Yang Berhormat dari Panti dan 5 minit kepada Ahli Yang Berhormat dari Semerah. Selepas itu, saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menjawab.

5.37 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun mengambil bahagian sedikit menyentuh B. 54, Butiran 1100, Aktiviti 3, sebagaimana juga saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyentuh berkenaan keselamatan jalanraya. Ini saya percaya banyak yang menyentuh keselamatan jalanraya dan kurang menyentuh aktiviti yang lain, ini tidak lain dan tidak bukan ialah sebagaimana Parlimen dan Ahli-ahlinya begitu mengambil berat sekali berkenaan keselamatan jalanraya di negara kita ini.

Kita bersyukur kepada Allah bahawa negara kita ini bolehlah dijumlahkan negeri yang kaya dan rakyatnya sudah banyak yang mampu membeli kereta sehingga pegawai-pegawai rendah umpamanya budak pejabat pun sudah sanggup untuk membeli kereta. Tetapi apa yang mendukacitakan kita ialah kerana kemalangan yang begitu banyak berlaku hari ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya ada banyak faktor-faktor dan sebab-sebab mengapa kemalangan jalanraya berlaku. Sebagai contoh umpamanya, derebar ataupun mereka yang belajar memandu dapat lesen memandu dengan tidak begitu cekap, belum cukup sempurna pelajarannya, sudah dapat lesen memandu, barangkali dengan sebab-sebab yang tertentu, dan ini barangkali atas sebab-sebab mengapa Ketua Pengarah baru RIMV, Encik Hassan Ibrahim bertindak demikian. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau yang telah bertindak untuk membaharui dan mengambil tindakan yang tegas terhadap kakitangan RIMV yang wujud di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada sebabnya, pada pendapat saya ialah adanya derebar lori dan derebar kenderaan berat itu langsung tidak mematuhi undang-undang jalanraya, ditambah pula dengan kurangnya tindakan daripada RIMV sendiri.

Tuan Pengerusi, kalau di sebelah selatan, kami di Johor sana terdapat satu lagi faktor yang mana boleh dikatakan saban hari belia-belia daripada Singapura umpamanya dengan memandu kereta, maklumlah di Pulau itu tidak ada tempat yang jauh untuk mencuba keretanya. Jadi bila mereka sampai di negara kita di Johor atau Malaysia,

mereka pun cubalah keretanya dengan seberapa laju yang boleh. Ini juga kami di selatan terasa sangat sibuknya jalanraya ini dan ini salah satu sebab mengapa kemalangan berlaku di Jalan Ayer Hitam, Jalan Batu Pahat terutama sekali kereta-kereta datang Singapura yang mencuba keretanya dengan laju di tanahair kita.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan kerana ianya ada hubungan dengan B. 60, Aktiviti (7) Penguatkuasaan sama ada pihak pengangkutan atau RIMV sedar atau tidak hari ini, dengan sebab banyaknya kampung-kampung baru terutama sekali di FELDA banyak terdapat kenderaan sama ada kereta atau motosikal yang kebanyakan mereka tidak ada mempunyai lesen.

Jadi saya bukanlah hendak menimbulkan perkara ini bahawasanya saya marahkan mereka atau saya menyangka tidak baik dengan kakitangan FELDA yang telah mampu membeli kenderaan tetapi saya memikirkan yang saya sayangkan nyawa mereka, sayangkan keselamatan mereka dan saya berharap di mana sahaja ada rancangan-rancangan FELDA maka hendaklah pihak RIMV menyasat dan menghantar dengan seberapa banyak kakitangan ke sana, sebab sehingga hari ini saya boleh membuktikan bahawa banyak di antara mereka yang tidak ada mempunyai lesen tetapi dengan maksud sayangkan mereka itu supaya terjamin keselamatannya dengan mempunyai lesen dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan sebab masa tidak menizinkan dan memberi peluang kepada sahabat saya yang lain, dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Akhir sekali saya jemput Yang Berhormat dari Semerah.

5.52 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Saya ingin menyentuh B. 60, Butiran 1100, Aktiviti (6)—Perlesenan Perdagangan.

Kita telah lama memerhatikan bahawa bas-bas Singapura Nombor 170 telah lama mengangkut kekayaan daripada negeri Johor yang pendapatannya tidak kurang daripada \$100,000 sebulan atau lebih maka telah sampailah masanya bagi Kementerian Pengangkutan membenarkan pula supaya bas-bas

daripada Johor sendiri mengangkut penumpang-penumpang dan pekerja-pekerja dari Malaysia yang hendak ke Singapura sama banyak bagaimana yang dijalankan oleh bas-bas dari Singapura.

Untuk mengangkut penumpang-penumpang dalam perjalanan balik, Kementerian hendaklah berunding dengan pihak Singapura agar membenarkan pula bas-bas kita itu mengangkut mana-mana penumpang yang hendak ke Johor atau Malaysia di beberapa buah bas stop di Singapura, kerana mereka ini sebenarnya ialah rakyat Malaysia yang hendak pulang ke Malaysia. Begitu juga dengan perkhidmatan teksi ke Singapura yang pada masa ini dimonopoli oleh teksi Singapura. Jadi teksi Singapura tidak pernah pulang kosong, kerana pihak Malaysia tidak ada menyediakan teksi khas ke Singapura.

Begitu juga bas-bas pelancung Singapura yang hendak ke utara Malaysia telah mengambil dan merampas penumpang-penumpang Malaysia menyebabkan perkhidmatan bas-bas bumiputra ketandusan penumpang dan mengalami kerugian.

Ingin saya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan agar mengeluarkan lesen-lesen perkhidmatan bas Johor-Singapura sama banyak dengan perkhidmatan bas dari Singapura ke Johor Bharu, begitu juga mengeluarkan permit-permit teksi khas antara Johor-Singapura.

Menyentuh perkhidmatan private sapu atau pirate taxi yang menggunakan kereta-kereta uzur dan mengangkut bilangan penumpang lebih daripada had tanpa jaminan dan insurance, maka saya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan agar meluluskan permit teksi kepada mereka ini jika sekiranya mereka benar-benar ingin membawa teksi. Mereka ini melakukan demikian ialah semata-mata kerana kesukaran mendapatkan permit yang halal dan sah. Maka telah sampailah masanya mereka ini dibanci dan di siasat serta diberi pertimbangan yang saksama jika mereka ini benar-benar berminat mencari makan dengan jalan membawa teksi.

Menyentuh tentang Jabatan Laut, B. 55, Butiran 1300—Menambahkan kos kakitangan, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am. Kita dapati sukar dan kekurangan mendapatkan pegawai-pegawai yang mempunyai Master Trade bagi mengendalikan kapal-kapal dan

pengangkutan laut kerana gaji dan upah yang diberikan kepada mereka sangat tidak memuaskan, menyebabkan mereka ini lari bekerja dengan kapal-kapal luar di mana mereka boleh menerima upahan yang lebih lumayan.

Umpamanya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1979, kita dapati gaji bagi Master Trade hanyalah sebanyak \$780 dan bertugas dengan kapal luar mereka boleh mendapat gaji sehingga \$1,800. Maka telah sampailah masanya supaya gaji mereka itu dikaji semula.

Menyentuh P. 54, Butiran 33—Pelabuhan Pasir Gudang, Johor. Memandangkan harga buah-buahan, kain-kain dan pakaian-pakaian serta alat-alat TV, spare parts kereta dan lain-lain adalah sangat tinggi harganya di Malaysia. Oleh sebab kita telah mempunyai beberapa pelabuhan sendiri di antara Pasir Gudang, Johor Bahru kita berharap bahawa barang-barang yang saya sebutkan tadi kiranya dapat dibawa masuk melalui pelabuhan-pelabuhan kita sendiri, rakyat akan dapat menikmati barang-barang keperluan itu dengan harga yang lebih murah dan mampu dibeli oleh semua golongan.

Jadi sudah sampailah masanya kita menggunakan pelabuhan sendiri supaya wang kita tidak lagi mengalir keluar dengan begitu banyak. Sebenarnya pelabuhan kita telah mampu mengendalikan perkara ini. Untuk mengelakkan kecurian barang-barang dan kargo di godowns selain daripada mengendalikan pagar yang lengkap dengan kawat duri, maka penggunaan dock guard yunit serta dengan dock handlers juga boleh diadakan dan mengawas barang-barang dalam stor itu daripada dicuri. Saya juga mencadangkan supaya penggunaan pelabuhan Pasir Gudang dengan sepenuhnya dapatlah dilaksanakan dengan segera dan singkirkanlah sifat mengharapkan belas ihsan daripada orang lain. Dengan ini saya menyokong Belanjawan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab.

5.56 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang konstruktif dan pujian kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dalam beberapa pejabat di Kementerian saya.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara mengikut jalanraya. Jadi saya hendak menjawab dengan amnya kepada semua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara keselamatan jalanraya. Yang kedua, traffic jam di beberapa buah tempat dan pekan yang besar dan juga perkara-perkara yang bersangkutan dengan jalanraya.

Tuan Pengerusi, saya sedar kesusahan orang ramai dan juga kesusahan daripada orang-orang yang menjalankan mini bus ataupun bus sekolah dan lain-lain dan juga problem yang dihadapi oleh pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di dalam Jabatan Pengangkutan.

Selama ini banyak didapati kenderaan-kenderaan tidak mengikut peraturan Undang-undang tetapi apabila Ketua Pengarah Pengangkutan yang baru Encik Hassan Ibrahim menjalankan tugas dengan cergas, dengan baik, banyak kita dapat aduan dan kemarahan daripada taxi operators, bus operators, mini bus operators dan lain-lain lagi.

Di sini saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan yang menjalankan tugasnya dengan baik. Tetapi saya juga ada memberitahu kepada Ketua Pengarah itu apabila kita menjalankan tugas masing-masing, kita mestilah ingat kepada kesusahan rakyat jelata.

Yang pertama ialah kita menjaga keselamatan, kesenangan dan kebaikan rakyat jelata. Pada tiap-tiap perjalanan kita mestilah ingat akan kesusahan rakyat. Apa yang terjadi baharu-baharu ini dan kita semua tahu bus mini yang berjalan di beberapa tempat tidak mengikut undang-undang. Apabila ditahan mereka hendak mogok. Sekarang kita menggunakan tiga orang tester, dahulu seorang dan apabila tiga orang testers ini menjalankan tugas, ketiga-tiga testers ini barangkali tidak puas hati sebab mereka hendak buat test sendiri. Inilah perkara yang telah saya sedari atas kesusahan orang-orang yang memohon driving test licence, mini bus operators dan lain-lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Dengan ringkasnya saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini iaitu saya sendiri telah melawat di beberapa buah pejabat baharu-baharu ini. Dua hari dahulu saya telah melawat ke Pejabat RIMV di Johor dan saya sendiri melihat testing procedures dan saya sendiri telah pergi ke counters. Begitu juga baharu-baharu ini saya telah pergi ke Negeri Kelantan, Pulau Pinang dan ke satu dua tempat lain. Saya sendiri dapati ada sedikit sebanyak kesusahan kepada orang-orang dan pada minggu ini juga saya akan mengadakan satu perjumpaan dengan mini bus operators bersama-sama dengan pegawai-pegawai saya, hendak mengetahui masalah mini bus operators ini dan juga hendak menyelesaikan masalah-masalah yang ada.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh mengurangkan efficiency ataupun memberi peluang kepada siapa-siapa pun melanggar undang-undang negara kita itu adalah mustahak dan Kementerian saya tidak membenarkan siapa-siapa pun menjalankan sesuatu di luar daripada undang-undang yang telah ditetapkan oleh Dewan yang mulia ini.

Atas perkara percentage sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bagaimanakah dahulu boleh lulus 90% tetapi sekarang hanya 2%. Perkara ini saya sudah jawab. Masalah ini saya sedia maklum iaitu testers problem, mini bus problem, lori problem dan juga lain-lain public transport problem yang ada pada masa ini. Surat-surat khabar tiap-tiap hari mengeluarkan perkara ini. Sebab itu saya telah meminta kepada Ketua Pengarah supaya mengikut General Orders (Cap.) D. 18. Saya tujukan perkara itu bukan sahaja kepada Ketua Pengarah Road Transport tetapi kepada semua pegawai-pegawai dalam Kementerian saya.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya baca-kan apa yang disebutkan di sini.

“Seseorang pegawai tidak boleh dengan lisan atau dengan bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat satu-satu kenyataan awam mengenai dasar atau keputusan Kerajaan atau apa-apa soal ataupun mengedarkan satu-satu kenyataan itu samada dibuat olehnya atau oleh seorang lain. Walau bagaimanapun Perintah Am ini tidaklah dipakai terhadap sesuatu

kenyataan awam yang dibuat oleh seorang pegawai berhubung dengan pelaksanaan jawatan awamnya”.

Apa yang saya beritahu bukan sahaja kepada Ketua Pengarah Road Transport tetapi juga semua pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya iaitu lebih baik kita kurang bercakap dan bekerja lebih. Kita katakan supaya semua kenyataan-kenyataan akhbar terutamanya atas perkara sensitif dan controversial, baiklah kita berunding dahulu sebelum kita keluarkan kenyataan kerana ini boleh melirukan orang ramai. Itulah saya tidak suka hendak ulang banyak tentang perkara ini, saya percaya keterangan saya ini sudah mencukupi. Dan saya di sini juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengatakan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan telah menjalankan kerjanya dengan baik dan cergas tetapi apabila kita menjalankan kerja-kerja kita itu, kita mestilah ingat public reaction atas tiap-tiap statement yang dibuat oleh sesiapa pun baik pegawai-pegawai, baik Timbalan Menteri ataupun Menteri sendiri di dalam satu-satu Kementerian. Saya bukan sahaja memberitahu kepada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan tetapi kepada semua pegawai dan saya tidak mengatakan maklumat-maklumat ataupun angka-angka tidak boleh diberi kepada orang ramai. Ada juga angka-angka ataupun detail yang bukan dasar, berkenaan pegawai-pegawai bolehlah memberi kenyataan kepada tiap-tiap akhbar ataupun sesiapa yang mahu perkara itu, selain daripada itu mengikut dasar, jika ada mana-mana pegawai pun membuat statement tidak melalui Kementerian, nanti Kementerian tidak tahu menahu ataupun Kementerian Pengangkutan sungguhpun di bawah Kementerian saya tetapi ada juga lain-lain Kementerian yang bersangkutan dalam perkara pengangkutan. Umpamanya Licensing Board dan juga Kementerian Perusahaan Awam (Public Enterprise). Kita tidak mahu conflicting statement dalam akhbar antara satu sama lain. Itulah tujuannya bukan kita mengatakan jangan keluarkan statement yang patut atau boleh diberitahu kepada orang ramai. Dengan ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat cukup faham atas statement atau apa-apa yang saya beritahu kepada Ketua Pengarah.

Selain daripada itu ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan perkara Subang Airport. Saya bersetuju dengan Ahli-ahli

Yang Berhormat yang pada masa sekarang ada tempat-tempat di Subang Airport yang tidak memuaskan. Kita ada menjalankan beberapa rancangan tetapi sehingga ada cukup security untuk menjaga semua tempat susahlah kita hendak kawal dan tidak berapa lama lagi kita akan adakan security ini di lapangan terbang termasuk tempat-tempat seperti toilet dan lain-lain. Pada masa sekarang banyak orang menggunakan tempat-tempat ini dan baharu-baharu ini, dua hari dahulu Ketua Pengarah Civil Aviation telah mengumumkan bahawa orang ramai membuang macam-macam barang di dalam tandas, merosakkan telefon, memecahkan kerusi meja dan lain-lain lagi. Perkara ini berlaku oleh kerana pada masa ini kita tidak cukup orang mengawal sehinggalah perkara ini terjadi. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, perkara ini bolehlah diatasi tidak berapa lama lagi.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Setapak, bilakah airport baharu yang selalu kita katakan itu boleh dijalankan. Ini boleh saya katakan satu tragedi sebab consultant yang kita tetapkan itu sudah pun meninggal dunia. Kemudian kita select lagi satu consultant daripada lain kompeni, apabila selesai sahaja dia pula meletakkan jawatannya daripada kompeni tersebut. Sekarang kita pulangkan balik kepada JKR kita sendiri dan kita akan mulakan kerja pada awal tahun akan datang. Tetapi sementara itu kita membelanjakan lebih daripada \$1 million untuk memperbaiki sementara Airport Subang dengan seberapa yang boleh. Ini adalah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kepong dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang ada mengatakan fasal road transport.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada mengatakan fasal krisis RIMV dengan bas kilang yang mana telahpun saya jawab. Dia mengatakan barangkali ada sabotaj daripada testers. Saya belum dapat butir-butir yang cukup mengenai perkara ini sungguhpun saya ada dengar, barangkali testers tidak berapa suka mengenai perkara ini. Perkara ini adalah dalam pandangan saya dan saya akan timbangkan supaya kita boleh selesaikan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada meminta supaya Ekspres Rakyat diextend sampai ke Padang Besar. Ini kita boleh timbangkan. Dia juga ada mengatakan berkenaan dengan kereta laju dan begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada mengatakan fasal lori, buses lari dengan laju; ini ada terjadi dan pada masa ini Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dengan pegawai-pegawainya ada membuat tindakan dan ini barangkali boleh mengurangkan speeding dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada mengatakan MAS tidak ada sistem. Dia mengatakan surau tidak ada di dalam Lapangan terbang. Sekarang ada satu surau dekat Car Park yang boleh digunakan oleh pekerja-pekerja dan orang-orang lain yang suka hendak menggunakannya. Apabila saya bandingkan dengan lain-lain Airlines, saya puashati dan boleh dikatakan MAS mempunyai sistem. Saya sedar memanglah ada kadangkala terjadi kelewatan kapal terbang beberapa kali, seperti semalam semua kapal terbang ke Johor kena cancelled sebab banjir. Ini bukan salah MAS, ini adalah arahan daripada Tuhan. Ada beberapa hari dahulu saya sendiri pergi ke Johor lewat 2 jam, sebab Air Exercise daripada Kementerian Pertahanan, jadi MAS kena marah pula.

Selain daripada itu ada juga Ahli Yang Berhormat berkata fasal Johor. Champion bagi negeri Johor ada banyak di sini yang mana mereka membangkitkan berkenaan Senai Airport dan mini bas Johor. Saya suka hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, iaitu Johor Port pada masa sekarang adalah berjalan dengan baik dan mungkin banyak lagi kapal-kapal datang ke Pasir Gudang. Begitu juga kita hendak perbaiki lagi Senai Airport untuk kapal terbang-kapal terbang jenis besar yang boleh mendarat di sana. Infrastructure facilities kita akan adakan di Senai Airport dan juga Pasir Gudang.

Untuk mini bas services ke Johor, saya ada berunding dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar baru semalam dan kita akan adakan satu mesyuarat dalam 2 minggu akan datang untuk menyelesaikan perkara ini daripada apa-apa lessons kita sudah ada di Kementerian sekarang. Kita tidak hendak jalankan satu survey macam yang sudah ada sekarang, kita sudah dapat pelajaran sedikit, jadi kita hendak buat perbaikan. Kita akan adakan satu mesyuarat pada 16 haribulan

bersama-sama dengan Dato' Menteri Besar dan pegawai-pegawai untuk menyelesaikan perkara ini.

Untuk Terminal Building Kota Bharu, inipun pada masa sekarang piling work sudah pun mula untuk mengadakan Airport Terminal. Jadi tidak berapa lama lagi bolehlah dapat satu tempat yang baru.

Tuan Pengerusi, saya telah jawab dengan seberapa ringkas atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Dengan ringkasnya saya hendak ulang balik tujuan Kementerian saya baik daripada Pejabat Pengangkutan, Udara ataupun lain-lain ialah keselamatan orang ramai dan kesenangan orang ramai. Atas dasar itu, kita menjalankan tugas-tugas kita. Segala pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan timbangkan dengan teliti dan diucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,836,700 untuk Maksud B. 54, \$5,450,400 untuk Maksud B. 55, \$8,736,900 untuk Maksud B. 56, \$10 untuk Maksud B. 57, \$11,463,300 untuk Maksud B. 58, \$9,404,200 untuk Maksud B. 59 dan \$11,930,300 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$114,462,010 untuk Maksud P. 54, \$3,684,230 untuk Maksud P. 55, \$809,820 untuk Maksud P. 56, \$45,613,450 untuk Kepala P. 57, \$40,410,950 untuk Maksud P. 58, \$2,048,900 untuk Maksud P. 59 dan \$1,561,000 untuk Maksud P. 60 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis menimbang Anggaran Perbelanjaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 serta Pembangunan P. 61, P. 62 dan P. 63. Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 (Jadual)—

Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

6.13 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk memohon membentangkan Anggaran bagi tahun 1979 bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian itu. Anggaran Belanja Mengurus di bawah Maksud-maksud B. 61 hingga B. 63 adalah seperti berikut:

B. 61	Kementerian Tenaga, Telekom & Pos ...	\$ 2,322,200
B. 62	Jabatan Telekom ...	10
B. 63	Jabatan Perkhidma- tan Pos	83,621,000
		<hr/>
		\$85,943,210

akan diluluskan.

Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Maksud-maksud P. 61 hingga P. 63 adalah seperti berikut:

P. 61	Kementerian Tena- ga, Telekom dan Pos	\$118,553,387
P. 62	Jabatan Telekom	557,600,000
P. 63	Jabatan Perkhidma- tan Pos	10,851,400
		<hr/>
		\$687,004,787

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, secara ringkas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu Kementerian yang baharu sahaja ditubuhkan mempunyai objektif untuk menyelaraskan segala perkembangan dan pembangunan kemudahan perkhidmatan telekom, pos dan tenaga letrik supaya perkhidmatan-perkhidmatan ini menjadi suatu perkhidmatan yang cekap dan reliable. Kementerian saya pada tahun hadapan akan terus berusaha bagi memperkemaskan dasar-dasar yang ada dan juga mengadakan dasar-dasar baru di mana perlu bagi semua perkhidmatan telekom, pos dan kemudahan tenaga letrik termasuk bekalan letrik luar bandar agar perkhidmatan-perkhidmatan ini dapat memberi sumbangan-sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan negara dan juga kepada segenap lapisan rakyat. Kementerian saya mempunyai tanggungjawab yang berat terutama sekali dalam mengadakan dasar-dasar

dan menyelaraskan segala aspek-aspek pentadbiran, penyelidikan dan perancangan bagi Jabatan-jabatan dan agensi yang terletak di bawah jagaannya.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi penerangan atas Jabatan-jabatan yang tertentu.

(1) *Jabatan Telekom*

Saya suka menyatakan di sini bahawa pada amnya objektif-objektif Jabatan Telekom ialah untuk mengadakan perkhidmatan telefon dan telegraf, memperbaiki mutu perkhidmatan yang ada dan menambah serta memperbesarkan lagi kemudahan-kemudahan hubungan telekom dengan negara-negara luar dan menubuhkan satu rangkaian automatik trunk switching centres bagi membolehkan pengguna-pengguna membuat panggilan secara terus-menerus.

Objektif-objektif ini bertujuan untuk menambahkan lagi hasil Kerajaan dan untuk mencapai tujuan ini perancangan dan pembinaan ibusawat-ibusawat baru, pemasangan kebel-kebel bawah tanah dan rangkaian gelombang mikro yang berkualiti tinggi perlulah diadakan terlebih dahulu. Tetapi sebelum perancangan dan pelaksanaan dapat berjalan dengan lancar, jentera pentadbiran Jabatan Telekom akan disusun semula agar ia menjadi seimbang dan sesuai dengan perkembangannya yang sangat pesat pada masa ini.

Untuk makluman, belanjawan Jabatan Telekom untuk tahun 1979 yang dianggarkan adalah sebanyak \$1,016,500,000 yang mana sebanyak \$747,096,000 adalah diperlukan untuk kerja-kerja modal dan bakinya sebanyak \$269,404,000 adalah untuk perbelanjaan mengurus. Jumlah \$747,096,000 yang diperlukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan adalah satu jumlah yang besar jika dibandingkan dengan peruntukan yang dijangka akan dibelanjakan pada tahun ini iaitu sejumlah \$549,426,000. Sebanyak \$557,600,000 daripada jumlah \$747,096,000 ini akan diperolehi daripada pinjaman dan bakinya sebanyak \$189,496,000 lagi akan dibiayai daripada hasil perkhidmatan Jabatan Telekom sendiri.

Rancangan kerja-kerja modal (capital works) yang dilaksanakan dalam tahun 1979 adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan penambahan-penambahan kepada ibusawat yang sedia ada dan juga mengadakan ibusawat telefon automatik baru iaitu 62 besar, 65 kabins dan 63 ibusawat luar bandar dengan penambahan muatan sebanyak 121,230 talian berbanding dengan 26 besar, 35 kabins dan 21 ibusawat luar bandar dengan muatan sebanyak 101,660 talian dalam tahun 1978.
- (ii) Mengadakan 328,500 pasangan talian kebel di bawah tanah dan pemasangan 80,000 talian tambahan pelanggan telefon dan 800 talian pelanggan teleks berbanding dengan 217,070 pasangan talian kebel bawah tanah dan pemasangan 60,000 talian tambahan pelanggan telefon dan 600 talian pelanggan teleks dalam tahun 1978.
- (iii) Mengadakan tambahan 130,000 liter batu perhubungan rangkaian telefon di antara ibusawat-ibusawat besar dan kecil di seluruh negara berbanding dengan 100,000 pada tahun 1978.
- (iv) Kerja-kerja di atas stesyen satelit bumi kedua di Melaka dan mengadakan Intra Malaysia Cable Dasar Laut di antara Kuantan dan Kuching.

(2) *Jabatan Perkhidmatan Pos*

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1979 Jabatan Perkhidmatan Pos memerlukan peruntukan sebanyak \$94,472,400 iaitu terdiri daripada \$83,621,000 bagi perbelanjaan mengurus dan sebanyak \$10,851,400 bagi perbelanjaan pembangunan. Projek-projek utama yang akan dilaksanakan dalam tahun 1979 ialah pembinaan kompleks Pejabat Besar Pos dan Ibu Pejabat Pos Kuala Lumpur dan Instituti Latihan Pos.

Program Jabatan Perkhidmatan Pos untuk meluaskan lagi perkhidmatannya kepada penduduk luar bandar akan diteruskan dengan pelancaran sebanyak 10 buah lagi Pejabat Pos Bergerak dan menubuhkan sebanyak 65 buah lagi Wakil Pos di seluruh negara.

Penyelarasan dan pembaikan mutu peraturan perjalanan mel akan diteruskan dalam tahun 1979. Pengangkutan mel ke Pejabat-pejabat Pos di antara Kuala Lumpur dan Kuantan akan dikendalikan oleh kenderaan Perkhidmatan Pos dan tidak lagi

dengan cara kontrek dengan kenderaan lain. Dengan jalan ini mutu perkhidmatan mel di antara Kuala Lumpur dan Kuantan akan menjadi bertambah baik. Peraturan pengangkutan mel akan terus dikaji agar peraturan-peraturan yang lebih sesuai dan kemas akan dapat dilaksanakan dengan tujuan mel-mel yang dikendalikan dapat sampai kepada tempat yang dituju dengan secepat mungkin. Saya suka memaklumkan kepada Jawatankuasa, perkhidmatan serahan segera yang baru saja dilancarkan dalam kawasan Lembah Kelang telah membawa kemajuan yang baik dan perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi di antara Pulau Pinang dan Kuala Lumpur mulai daripada tahun 1979 dan seterusnya diperluaskan ke seluruh negara berperingkat-peringkat kerana ini memerlukan penyelarasan organisasi yang rapi terlebih dahulu sebelum ia dapat dilancarkan. Langkah untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja perakaunan dan kerja-kerja memprosesnya akan dibuat di Ibu Pejabat Pos dalam tahun 1979 dengan cara menggunakan komputer.

Kementerian saya juga sedar bahawa latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Pos perlu diperhebatkan agar mereka itu menjadi lebih cekap dalam menjalankan kerja mereka. Untuk maksud inilah Instituit Latihan Pos akan dibina dalam tahun 1979 sebagaimana yang saya nyatakan di atas tadi. Saya percaya dengan adanya program latihan yang cukup, pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Pos akan menjadi lebih cekap dalam melaksanakan kerja-kerja dan tugas yang dipertanggungkan ke atas mereka.

(3) *Atas Perkara Tenaga*

Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab ke atas Lembaga Letrik Negara. Jumlah peruntukan (cara langsung dan pinjaman) yang diminta bagi tujuan ini adalah sebanyak \$118,553,387. Dari jumlah ini sebanyak \$60,000,000 adalah merupakan grant atau pemberian secara langsung dan diminta untuk pembekalan letrik luar bandar Semenanjung Malaysia. Peruntukan ini akan diberi kepada negeri-negeri di Semenanjung untuk membekalkan tenaga letrik ke kawasan-kawasan luar bandar. Bagi bekalan letrik luar bandar di Sabah dan Sarawak pula peruntukan masing-masing adalah sebanyak \$5,000,000 dan \$2,000,000 adalah juga diminta.

Bagi peruntukan pinjaman pula antara projek besar yang akan dijalankan dalam tahun 1979 ialah projek Hydro Letrik Trengganu yang akan dibina sebagai suatu projek pelbagaiguna iaitu untuk menjana-kuasa, untuk mengawal banjir, sebagai rancangan taliair dan juga sebagai pusat rekreasi. Dengan siapnya projek ini yang dijangka menelan belanja sebanyak \$735,000,000 akan dapat menambah lagi kuasa letrik sebanyak 400 megawatt. Satu lagi projek besar yang akan dilaksanakan dalam tahun 1979 ialah sambungan Stesyen Janaletrik Prai II yang memerlukan sebanyak \$29,23,000 iaitu \$26,000,000 untuk Turbo Alternator dan \$3,233,000 untuk Steel Work and Cladding. Projek ini sebenarnya telah dimulakan dalam tahun 1975 dan yunit pertama daripada projek tambahan ini dijadual akan dapat berjalan dengan sepenuhnya dalam bulan Jun, 1979. Dengan siapnya projek ini kelak, ianya akan menggunakan 3 generator tambahan dengan berkeupayaan tiap-tiap satunya 120 megawatt, dan ini akan menambah lagi keupayaan L.L.N. dalam membekalkan tenaga letrik.

Satu lagi projek yang besar ialah pembinaan Stesyen Janaletrik Pasir Gudang yang akan mempunyai keupayaan sebanyak 240 megawatt. Tetapi projek ini boleh lagi diperbesar kepada 600 megawatt. Tujuan mendirikan stesyen janaletrik ini ialah untuk menemui kehendak tenaga bagi negeri-negeri di sebelah selatan Semenanjung Malaysia dan akhirnya akan bersambung dengan rangkaian kebangsaan (national grid). Setakat ini persediaan tapak telah selesai dan kerja-kerja cerucuk (piling work) akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Projek ini dijangka siap dan akan dapat digunakan dalam tahun 1981.

Program-program bekalan letrik luar bandar akan terus dipergiatkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peruntukan untuk kemudahan ini adalah bertujuan bagi memperbaiki keadaan hidup rakyat di kawasan-kawasan luar bandar sebagai sebahagian dari seluruh usaha Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan serta bagi menyediakan suatu perkhidmatan sosial asas yang sangat perlu dan yang telah lama dinanti-nantikan oleh masyarakat luar bandar. Untuk mencapai matlamat inilah, Kementerian saya meminta suatu peruntukan yang merupakan 3 kali ganda daripada peruntukkan yang telah diminta dan dilulus

untuk tahun ini iaitu sebanyak \$67,000,000 berbanding dengan \$21,600,000 sahaja. Untuk memperhebatkan ini L.L.N. telah menubuhkan satu Jabatan yang berasingan iaitu Jabatan Bekalan Letrik Luar Bandar. Untuk tahun ini Jabatan Bekalan Letrik Luar Bandar ini hanya ditubuhkan di negeri-negeri yang dianggap mundur seperti Kelantan dan Trengganu, tetapi mulai daripada Januari, 1979 penubuhan Jabatan Bekalan Letrik Luar Bandar akan diluaskan ke seluruh Semenanjung Malaysia. Dengan tertubuhnya Jabatan Bekalan Letrik Luar Bandar yang berasingan daripada Jabatan Daerah Letrik, Kementerian saya berharap projek-projek bekalan letrik luar bandar akan dapat diselenggarakan dengan lebih cepat lagi. Selain daripada menubuhkan Jabatan Bekalan Letrik Luar Bandar yang berasingan, L.L.N. di Semenanjung akan mengambil beberapa langkah yang lain dengan mendapatkan pemborong-pemborong daripada negeri-negeri yang telah maju seperti Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang dan dipelawa bekerja di kawasan-kawasan yang masih mundur seperti di Pantai Timur atau Utara dan juga tidak dengan secara pengeluaran tender tetapi dengan menggunakan jadual harga tetap (scheduled rates). Dengan adanya langkah-langkah yang saya nyatakan ini, saya yakin dan percaya peratus pencapaian kerja-kerja pembekalan letrik luar bandar akan meningkat.

Saya suka menyatakan di sini bahawa grid national yang bermula daripada Kangar di Utara ke Johor Bharu di Selatan dan Kuantan dan Pekan di Timur boleh dikatakan telah menghubungkan semua bandar-bandar di Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu ada beberapa lagi bandar-bandar dan kampung-kampung yang terpencil yang masih lagi tidak disambung dengan grid national dan dibekalkan oleh stesyen disel sahaja. Jadi selaras dengan ikhtiar Kerajaan bagi menyusun semula masyarakat Malaysia dan juga untuk menggalakkan lagi pembangunan industri ke seluruh negara, L.L.N. akan meluaskan lagi grid nationalnya untuk meliputi Kota Bharu, Kuala Trengganu, Dungun dan Kemaman. Pembinaan grid national daripada Tanjung Gelang ke Jengka dan ke Jerantut adalah dijangka masing-masing akan siap dalam akhir tahun ini dan

tahun 1979 dan ini akan disambung lagi untuk ke Cukai dan ke Kuala Lipis dalam tahun 1980.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya sebagaimana yang saya telah sebutkan di atas, kesemuanya ini adalah bertujuan bagi mengadakan perkhidmatan yang cekap dan efektif agar dapat memenuhi hasrat, cita-cita dan kehendak rakyat dan negara.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 61, B. 62, B. 63 dan Maksud P. 61, P. 62, P. 63 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.36 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya sukalah mengambil bahagian di dalam menyokong peruntukan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu menyentuh Maksud P. 61, muka surat 469, Butiran (1)—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, menyentuh bekalan letrik luarbandar, saya masih rasa begitu sedih kepada perkara ini sebab banyak lagi kampung-kampung bukan setakat luarbandar bahkan kampung-kampung di dalam kawasan bandar belum dapat bekalan api letrik.

Tuan Pengerusi, orang-orang di bandar dengan seronok berbual-bual perkara TV berwarna dan juga saya rasa alangkah malang nasib penduduk-penduduk di luarbandar, bukan TV berwarna, TV hitam-putih pun belum dapat mereka adakan, ini ialah disebabkan tidak ada bekalan letrik.

Tuan Pengerusi, sebelum pilihanraya 1978, di waktu Yang terhormat Timbalan Menteri Pengangkutan dan Kemudahan-kemudahan Awam pada masa yang lampau di masa lawatannya ke negeri Kedah telah berkata, "Kita akan memberi bekalan letrik ke semua kampung-kampung di negeri Kedah, kita akan mengadakan benda-benda ini, kita akan mencukupi alat-alat." Tetapi dukacita sampai sekarang banyak kampung-kampung

tidak dapat bekalan letrik. Pada waktu itu dikatakan tiang-tiang tidak cukup, tidak ada faktori untuk membekalkan tiang-tiang kayu, jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kata kita tidak ada tiang kayu, kita akan bagi tiang besi, tetapi sekarang ini tiang besi pun tidak nampak masuk ke kampung-kampung. Saya rasa perkara ini patutlah kita atasi kerana di kampung-kampung dalam kawasan saya sebagai di Bukit Kecil, di Bukit Petai, di Kampung Wak Siam, Simpoh dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan di sini. Saya harap Yang Berhormat Menteri baru akan memerhati dan menimbangkan perkara ini.

Saya merujuk kepada P. 61 Butiran (1)—Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman, muka surat 478. Saya tahu sebuah Pejabat Pos akan dibina di Kota Kuala Muda. Jadi saya sangat-sangat berharap dan saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bilakah agaknya akan dibina Pejabat Pos di Kota Kuala Muda ini.

Lagi satu perkara, menyentuh B. 62, muka surat 472, Perkhidmatan Telekom. Saya sukalah memaklumkan kepada Kementerian iaitu apabila jadinya satu-satu kerosakan kepada telefon di luarbandar, bukan pondoknya tetapi telefonnya, lambat sangat diperbaiki. Perkara ini telah membangkitkan beberapa masalah bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung tersebut apabila terjadinya kemalangan, kebakaran dan juga kesakitan. Saya harap perkara inipun dapat diambil perhatian segera. Misalnya di satu pondok telefon di Bukit Selambau, kalau tak salah saya sampai 3 minggu selepas kerosakan itu diberitahu belum juga dapat diperbaiki.

Inilah sahaja harapan saya kepada Kementerian ini. Saya harap perkara-perkara ini akan diatasi. Oleh yang demikian, saya menyokong kepada peruntukan yang dipohon untuk perbekalan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

6.41 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit sebanyak atas tajuk Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya ingin merujuk kepada Maksud P. 61, Butiran 26—Bekalan Letrik Luar Bandar. Sebagaimana yang kita dan juga Yang Berhormat Menteri sedia maklum, Sarawak ialah negeri yang mempunyai kawasan luarbandar yang paling luas dan sekalipun sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi peruntukan yang dipohon tahun ini ialah tiga kali ganda daripada tahun 1978 tetapi nampaknya geran secara langsung untuk Sarawak hanyalah \$2 juta berbanding dengan \$5 juta untuk Sabah. Ini saya rasa adalah menyedihkan sedikit harapan kita supaya ini akan dikaji semula, mungkin saya silap. Oleh kerana sekarang Kerajaan sedang menitikberatkan pembangunan luarbandar bukan hanya dari segi sosial tetapi dari segi ekonomi dan juga mungkin politik dan pembangunan luarbandar tidak akan dapat dijalankan dengan lancar dan licin ataupun berkesan tanpa adanya kuasa letrik. Ini nyata benar kalau kita lihat kawasan-kawasan luarbandar hendak mendirikan hospital, katakanlah kalau tidak ada kuasa letrik, maka kemudahan-kemudahan (facilities) yang diberi oleh Jabatan Perubatan di hospital itu tidak dapat digunakan. Katakanlah di bandar kecil tempat saya, Simunjan, tempat perkhidmatan perubatan di sana mempunyai kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan tetapi oleh kerana doktornya berjumpa saya akibat daripada kuasa letrik yang tidak memuaskan maka kemudahan yang diberi, yang disediakan tidak dapat digunakan. Jadi inilah satu masalah yang boleh kita anggap sebagai contoh.

Satu lagi masalah oleh kerana ketiadaan kuasa letrik di luarbandar ialah masalah memulakan perindustrian ataupun perusahaan-perusahaan kecil-kecilan seperti perusahaan mengetam kayu dan sebagainya. Banyak pengusaha-pengusaha kecil-kecilan seperti ini telah mengadu kepada saya bahawa oleh kerana tidak cukupnya kuasa letrik dan tidak kuatnya kuasa letrik ataupun tidak berkesannya kuasa letrik ini maka perusahaan kecil-kecilan seperti ini tidak dapat dijalankan dengan cara yang lebih berkesan dan memuaskan. Akhirnya peminat-peminat TV yang ada juga membeli TV di kawasan luarbandar atau bandar kecil seperti ini tidak dapat melihat gambar-gambar di TV dengan betul memuaskan iaitu blur. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, the surface is blur and cannot be seen properly, sometimes it stop

because the electricity supply is very poor dan apatah lagi di kawasan-kawasan luar-bandar lain di mana perbekalan kuasa letrik memang tidak ada. Saya rasa untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang bagi kawasan-kawasan luarbandar, penitik-beratan dalam bidang ini untuk membekalkan mereka dengan kuasa-kuasa letrik adalah amat penting sekali.

Tuan Pengerusi, saya juga mengharapkan oleh kerana di Sarawak kuasa letrik ialah di bawah jagaan Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) dan mungkin ia adalah satu badan swasta tetapi setidak-tidaknya Kementerian yang terlibat mempunyai kuasa untuk mengarah ataupun memberi nasihat ataupun berunding supaya perkhidmatan perbekalan letrik yang diselenggarakan oleh SESCO ini akan dapat menjalankan tugas-tugas ataupun tanggungjawabnya dengan paling berkesan demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan sekalipun apa yang saya cadangkan ini ialah satu projek yang besar, iaitu projek yang menggunakan sungai-sungai yang sesuai untuk dibuat di sungai-sungai ini stesyen letrik haidro kerana didapati di Sarawak banyak sungai-sungai yang mengalir dengan deras di kawasan gunung-ganang yang boleh menghasilkan saya rasa kuasa letrik haidro. Saya sedar bahawa projek seperti ini ialah projek yang memakan belanja yang besar tetapi setidak-tidaknya saya rasa Kementerian boleh juga membuat rancangan ataupun memikirkan langkah-langkah yang sesuai ke arah matlamat yang suci-murni ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud B. 62—Perkhidmatan Telekom dan P. 62—Pinjaman kepada Telekom untuk Projek-projek Pembangunan. Saya dapati dari segi perancangan pihak Jabatan Telekom harus bertindak dengan secepat-cepatnya supaya keperluan telefon di kawasan-kawasan tertentu dan kawasan-kawasan luar bandar sekalipun kita ini selalu sahaja bercakap mengenai kawasan luar bandar, tetapi itulah matlamat kita saya rasa supaya perkhidmatan telefon ini akan dipercepatkan pengluasannya.

Contohnya, di kawasan-kawasan seberang sungai di Kuching sudah lama pemohon-pemohon untuk mendapatkan telefon di kawasan itu menunggu bilakah telefon yang

dipohon oleh mereka itu akan dapat disediakan di rumah mereka tetapi hingga kini mereka belum lagi mendapatkannya. Sebab yang diberi oleh pihak Jabatan ialah kebel belum lagi disediakan di kawasan itu dan begitu juga di kawasan-kawasan lain. Jadi pihak Perancangan Jabatan Telekom, saya rasa haruslah memandang serius atas perkara ini dan bertindak supaya dipercepatkan penyediaan kebel yang diperlukan supaya harapan orang-orang yang memerlukan telefon ini bukan hanya untuk perkara perendirian tetapi juga untuk perkara perniagaan, urusan-urusan rasmi dan sebagainya akan dapat dijalankan dengan lancar dan licin.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya juga ingin menyentuh Maksud B. 63, Butiran 1300, Tambahan Kos Kakitangan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan mengalu-alukan cadangan beliau untuk menubuhkan Instituti Perkhidmatan Pos yang akan memberi latihan kepada Pegawai-pegawai Jabatan Pos. Walau bagaimanapun, saya juga berharap supaya kakitangan Jabatan ini akan dapat diperbanyakkan kerana masa'ah yang dihadapi ialah kadang-kadang surat yang dikirim oleh pengirim-pengirimnya tidak sampai kepada yang menerima, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Contohnya kampung-kampung di Sarawak. Oleh kerana kawasan itu besar maka kampung itu bertaburan di seluruh negeri, jadi perhubungan pun tidak baik. Saya rasa perhatian yang serius harus diberi kepada masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

6.50 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tahun 1979. Saya percaya Kementerian ini adalah satu Kementerian yang memberi kesan yang begitu baik kepada negara yang mana menjalan dan melaksanakan pembangunan negara.

Ada beberapa perkara yang saya hendak sebutkan di sini, misalnya dalam muka surat 467, Maksud B. 61, Butiran 1100—Gaji dan Upahan. Begitu baiknya Bahagian Telekom

ini tetapi ada satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu telephonis ataupun telefon operatornya untuk hendak membaiki diberi nombor. Nombor yang disebut itu melayang-layang bunyinya, seolah-olah melepaskan batuk ditangga, tetapi bila kita panggil telefon itu berjam-jam baru dapat, tidak tahu sama ada mereka itu berbual atau tertidur. Inilah satu perkara yang merosakkan nama telefon kita.

Kedua, menyentuh Perkhidmatan Telekom, Perancangan dan Penyelidikan, muka surat 472. Permohonan dibuat oleh pengguna-pengguna telefon dan bakal pengguna telefon begitu lama hingga dua atau tiga tahun dengan alasan tidak ada talian cable dan sebagainya. Begitu juga kalau rosak begitu lama sekali baru datang memperbaikinya. Sebagaimana kata sahabat saya yang terdahulu, bila telefon ini tidak berbayar—lekas dipotong; bila rosak, lambat dibaiki. Perkara ini saya berharap supaya disegerakan dan dilaksanakan supaya rakyat berpuas hati.

Begitu juga pondok-pondok telefon ada yang telah diluluskan, seperti di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan lain, tiga buah untuk tahun 1977, sudah hampir menjelang tahun 1979 masih lagi tidak ada pondok telefon. Perkara ini saya berharap supaya diambil perhatian supaya rakyat di kampung tidak bersungut kepada wakil rakyat, kerana wakil rakyat sudah bekerja begitu terok, segala keburukannya dilemparkan kepada wakil rakyat. Kementerian mereka tidak nampak, mereka suruh lobi kepada Kementerian sahaja.

Berkaitan dengan bekalan letrik luar bandar, Maksud P. 61, muka surat 469. Saya hendak menceritakan di Batang Padang sana, jalan hendak menghalu ke Cameron Highlands, di batu 7, 8 dan 19, semuanya ada jana letrik, tetapi di bawah daripada Batang Padang tidak ada api letrik. Kita tahu api letrik di bawah itu adalah kuasa KED, tetapi orang kampung tidak tahu, ditengok ada wire di atas tetapi kami tidak dapat letrik. Sudah 21 tahun merdeka. Daripada TV hitam kepada TV warna kata sahabat saya tadi, jadi apa TV pun kami tidak ada merasa hendak tengok daripada bekalan letrik ini.

Di Batang Padang datanglah Menteri yang dahulu—sekarang bekas, beliau berjanji akan diberi memandangkan di kawasan Batang

Padang Letrik itu dihantar ke Lumut, dihantar keluar daripada negeri Perak tetapi memandangkan kepada keadaan ini akan dibawa kepada kajian Rancangan Malaysia Ketiga, selepas itu akan diberitahu kelulusannya. Diharapkan pihak Kementerian ini akan mengambil berat di atas kawasan-kawasan yang sensitif kerana kawasan keliling wire letrik ada di atas tetapi mereka tidak ada

Tuan Pengerusi: Menumpang lalu sahaja wire itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Lalu sahaja di atas, tetapi mereka tidak merasa. Itulah sahaja dan saya menyokong penuh di atas peruntukan ini bahkan bekalan letrik luar bandar ini diminta biarlah digandakan lagi agar kawasan di seluruh negara kita ini terang benderang.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.56 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam dua perkara sahaja, iaitu Maksud B. 61, muka surat 467, Butiran 1100—Gaji dan Upahan.

Dalam dua aktiviti yang ada diperingkatkan oleh Kementerian ini saya nampak pegawai atau perjawatan hanya pada tahun 1979 ini dicadangkan untuk ditambah hanya seorang sahaja. Di sini terbayanglah saya apa yang berlaku di kawasan saya adalah berpatutan dengan apa yang ada diperingkatkan oleh Kementerian yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini.

Satu perkara sebelum pilihanraya tahun 1978 ini, berlori-lori tiang letrik ini dihantar ke kawasan Parlimen Tanjung Karang dan diletakkan di tepi-tepi jalan, bertimbun-timbun, alhamdulillah, syukur, rakyat bergembira, tetapi sampai hari ini tiang-tiang letrik itu diselimuti oleh rumput-rumpai, maka bertapalah tiang-tiang di tempat tersebut tidak ada siapapun yang hendak menjalakan tugasnya. Setengah ditanyakan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab maka jawabnya, pemborong tidak dapat melaksanakan kerja. Ditanya lagi, siapa yang meluluskan pemborong tersebut

untuk mengambil tender? Jawabnya ialah pihak lembaga ini juga. Jadi, siapa yang bersalah? Pemborongkah yang bersalah atau yang meluluskan pemborong ini mendapat kerja yang bersalah? Ini tidak dapat dipastikan.

Yang kedua, Maksud B. 62, muka surat 472. Perkhidmatan Telekom. Perkhidmatan telekom ini adalah amat baik tetapi pada pelaksanaannya kurang berkompromi dengan lain-lain jabatan. Satu contoh di kawasan Parlimen Tanjung Karang, tiang-tiang telefon ini dipacak untuk menuju ke kawasan-kawasan yang hendak dibekalkan dengan keperluan telefon. Setelah tiang itu dipacak, belum sempat lagi wire telefon ini dipasang maka jabatan lain pula hendak buat jalanraya di kawasan itu, kebetulan tiang telefon ini di tengah-tengah jalanraya. Ini satu perkara lagi untuk mengubah tiang telefon ini ke kawasan-kawasan yang sesuai menjadi satu masalah pula kepada jabatan yang berkenaan. Saya membuat kesimpulan pada perancangan dan dasarnya adalah saya

memberi pujian setingginya kepada Kementerian yang baru ini, begitu baik sekali, tetapi pada pelaksanaannya ada di mana sangkut dan kenapa tersangkut, ini yang menjadi masalah rakyat yang terfikir di kepala rakyat, sampailah ke kepala wakil rakyatnya sendiri. Dengan sebab itu, di Dewan yang mulia adalah perlu saya sampaikan rungutan tersebut. Oleh sebab itu, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian ini bahkan perlu ditambah lagi supaya rancangan-rancangan tersebut tidaklah tersangkut-sangkut seperti yang telah saya perkatkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 6hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.